

**KESAN EKOPELANCONGAN TERHADAP KOMUNITI
TEMPATAN DI TAMAN NEGARA
JERANTUT, PAHANG.**

ANAS QHAIRUNNISA BALQIDS BINTI ABDUL SALAM

UNIVERSITI
MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN**

2025



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

KESAN EKOPELANCONGAN TERHADAP KOMUNITI TEMPATAN DI TAMAN NEGARA JERANTUT, PAHANG.

Oleh :

ANAS QHAIRUNNISA BALQIS BINTI ABDUL SALAM

Projek Penyelidikan ini disediakan memenuhi syarat kelayakan

bagi Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian

Fakulti Teknologi dan Kreatif Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2025

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

☒

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).

☐

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Prasiswazah.

Dari _____ tarikh hingga _____

☐

SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

☐

TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut :

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

ANAS QHAIRUNNISA BALQIS
BINTI ABDUL SALAM
C22A0094

Nota * Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani Di atas rahmat kurnia dan izinNya saya dapat menyiapkan laporan projek tahun akhir saya denganlancarnya bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Norazlinda Binti Mohamed Rosdi dengan bimbingan dan tunjuk ajar yang sangat berguna serta sokongan kepada saya dalam menyiapkan kajian saya ini dengan jayanya.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ibu bapa dan keluarga sebagai tulang belakang saya dalam memberikan sokongan dan dorongan yang tidak pernah putus kepada saya sepanjang tempoh pengajian untuk menyiapkan penyelidikan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang telah banyak berkongsi pengalaman dan ilmu serta saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung yang telah menghulurkan bantuan dalam usaha ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

KESAN EKOPELANCONGAN TERHADAP KOMUNITI TEMPATAN DI TAMAN NEGARA JERANTUT, PAHANG.

ABSTRAK

Ekopelancongan merupakan satu bentuk pembangunan pelancongan yang menekankan pemeliharaan alam sekitar serta penglibatan komuniti tempatan dalam memastikan kelestarian sumber semula jadi dan sosioekonomi masyarakat setempat. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesan pembangunan ekopelancongan terhadap komuniti tempatan dari aspek ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menilai tahap penglibatan komuniti tempatan dalam aktiviti ekopelancongan serta mengenal pasti langkah-langkah yang boleh diambil bagi meminimumkan kesan negatif ekopelancongan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Kaedah pengumpulan data melibatkan temu bual separa berstruktur, pemerhatian lapangan dan analisis dokumen. Responden kajian terdiri daripada komuniti tempatan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam aktiviti ekopelancongan di kawasan kajian. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik bagi mengenal pasti tema-tema utama selaras dengan objektif kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembangunan ekopelancongan telah memberikan kesan positif kepada komuniti tempatan terutamanya dari segi peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan dan pembangunan ekonomi setempat. Namun begitu, terdapat juga beberapa kesan negatif yang dikenal pasti, termasuk tekanan terhadap alam sekitar, perubahan sosial dan gangguan terhadap kehidupan harian penduduk tempatan. Tahap penglibatan komuniti tempatan didapati berada pada tahap sederhana dan masih memerlukan sokongan berterusan daripada pihak berkepentingan. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar pengurusan ekopelancongan dilaksanakan secara lebih menyeluruh dengan menekankan penglibatan komuniti, pemantauan alam sekitar dan perancangan yang lestari bagi memastikan manfaat jangka panjang kepada semua pihak.

Kata kunci: Ekopelancongan, komuniti tempatan, kelestarian, penglibatan komuniti, pembangunan pelancongan

IMPACTS OF ECOTOURISM ON LOCAL COMMUNITIES IN TAMAN NEGARA JERANTUT, PAHANG

ABSTRACT

Ecotourism is a form of tourism development that emphasizes environmental conservation and the active involvement of local communities to ensure the sustainability of natural resources and socio-economic well-being. This study was conducted to examine the impacts of ecotourism development on local communities in terms of economic, social, cultural, and environmental aspects. In addition, the study aims to assess the level of local community involvement in ecotourism activities and to identify measures that can be implemented to minimize the negative impacts of ecotourism. This study adopts a qualitative approach using a case study design. Data were collected through semi-structured interviews, field observations, and document analysis. The respondents consisted of local community members who were directly and indirectly involved in ecotourism activities in the study area. The collected data were analyzed using thematic analysis to identify key themes in line with the research objectives. The findings indicate that ecotourism development has contributed positively to local communities, particularly in terms of employment opportunities, income generation, and local economic development. However, several negative impacts were also identified, including environmental pressure, social changes, and disruptions to the daily lives of local residents. The level of community involvement was found to be moderate and requires continuous support from relevant stakeholders. Therefore, this study recommends that ecotourism management be implemented in a more comprehensive and sustainable manner, with greater emphasis on community participation, environmental monitoring, and long-term planning to ensure sustainable benefits for all stakeholders.

Keywords: Ecotourism, local community, sustainability, community participation, tourism development.

ISI KANDUNGAN

HALAMAN		
BAB 1: PENDAHULUAN	1.0 Pengenalan 1.1 Latar Belakang Kajian 1.2 Pernyataan Masalah / Permasalahan Kajian 1.3 Persoalan Kajian 1.4 Objektif Kajian 1.5 Skop Kajian 1.6 Kepentingan Kajian 1.7 Definisi Konsep dan Istilah 1.8 Kesimpulan Bab	1-15
BAB 2 : SOROTAN KAJIAN	2.0 Pengenalan 2.1 Konsep dan Definisi Ekopelancongan 2.2 Ekopelancongan dan Pembangunan Komuniti Tempatan 2.3 Kesan Ekopelancongan terhadap Komuniti Tempatan • 2.3.1 Kesan Ekonomi • 2.3.2 Kesan Sosial dan Budaya • 2.3.3 Kesan Terhadap Alam Sekitar 2.4 Penglibatan Komuniti dalam Aktiviti Ekopelancongan 2.5 Cabaran dalam Pembangunan Ekopelancongan 2.6 Pengurusan dan Kelestarian Ekopelancongan	16-43

	2.7 Kerangka Konseptual Kajian 2.8 Kesimpulan Bab	
BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN	3.0 Pengenalan 3.1 Reka Bentuk Kajian 3.2 Pendekatan Kajian 3.3 Kawasan Kajian 3.4 Populasi dan Sampel Kajian • 3.4.1 Teknik Persampelan ○ Persampelan Bertujuan ○ Persampelan Rantaian (Snowball Sampling) • 3.4.2 Saiz Sampel 3.5 Kaedah Pengumpulan Data • Temu bual separa berstruktur • Pemerhatian lapangan • Analisis dokumen 3.6 Kaedah Analisis Data 3.7 Kesahan, Kebolehpercayaan dan Etika Kajian 3.8 Kesimpulan Bab	44-61
BAB 4 : DAPATAN KAJIAN DAN LAPANGAN	4.0 Pengenalan 4.1 Profil Responden • 4.1.1 Umur • 4.1.2 Bangsa	

	• 4.1.3 Sektor Pekerjaan 4.2 Analisis Dapatan Kajian • 4.2.1 Kesan Ekopelancongan terhadap Komuniti Tempatan • 4.2.2 Kesan Ekonomi Ekopelancongan • 4.2.3 Tahap Penglibatan Komuniti dalam Aktiviti Ekopelancongan • 4.2.4 Kesan Sosial dan Budaya • 4.2.5 Kesan Terhadap Alam Sekitar • 4.2.6 Langkah-langkah Meminimumkan Kesan Negatif Ekopelancongan 4.3 Perbincangan Dapatan Kajian 4.4 Kesimpulan Bab	62-90
BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN	5.0 Pengenalan 5.1 Rumusan Berdasarkan Objektif Kajian • 5.1.1 Rumusan Objektif Pertama • 5.1.2 Rumusan Objektif Kedua • 5.1.3 Rumusan Objektif Ketiga	91-111

	5.2 Perbincangan Menyeluruh Kajian 5.3 Implikasi Kajian • 5.3.1 Implikasi terhadap Komuniti Tempatan • 5.3.2 Implikasi terhadap Pengurusan Destinasi • 5.3.3 Implikasi terhadap Dasar Pelancongan 5.4 Cadangan Kajian • 5.4.1 Cadangan kepada Pihak Berkuasa • 5.4.2 Cadangan kepada Komuniti Tempatan • 5.4.3 Cadangan untuk Kajian Akan Datang 5.5 Kesimpulan Keseluruhan Kajian	
--	---	--

SENARAI RAJAH

HALAMAN		
Gambar rajah 1	Peta Taman Negara Kuala Tahan, Jerantut Pahang.	5
Gambar rajah 2	Gambar di atas menunjukkan aktiviti ekopelancongan iaitu <i>rapid shooting</i> .	45
Gambar rajah 3	Poster di atas adalah tentang <i>packages</i> yang ditawarkan di Taman Negara, sumber poster, dari internet.	46

SENARAI JADUAL

		HALAMAN
Jadual 2	Senarai Nama Responden Berkaitan Kesan Ekopelancongan	64
Jadual 4	Taburan Responden Mengikut Jantina	65
Jadual 5	Taburan Responden Mengikut Umur	66
Jadual 6	Taburan Responden Mengikut Bangsa	67
Jadual 7	Taburan Responden Mengikut Sektor Pekerjaan	68
Jadual 8	Kesan Ekopelancongan terhadap Komuniti Tempatan	70
Jadual 9	Kesan Ekonomi Ekopelancongan terhadap Komuniti Tempatan	73
Jadual 10	Tahap Penglibatan Komuniti Tempatan dalam Aktiviti Ekopelancongan	76
Jadual 11	Kesan Sosial dan Budaya Ekopelancongan terhadap Komuniti Tempatan	79
Jadual 12	Kesan Ekopelancongan terhadap Alam Sekitar	82
Jadual 13	Langkah-langkah Meminimumkan Kesan Negatif Ekopelancongan	85
Jadual 14	Rumusan Dapatan Kajian Berdasarkan Objektif Kajian	92

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Taman Negara Jerantut, Pahang merupakan kawasan perlindungan semula jadi yang menjadi destinasi utama *ecotourism* (pelancongan berasaskan alam semula jadi yang menekankan kelestarian) di Malaysia. Dengan keluasan melebihi 4,300 kilometer persegi, kawasan ini diiktiraf sebagai antara hutan hujan tropika tertua di dunia, dianggarkan berusia lebih 130 juta tahun seperti dihuraikan oleh Hassan (2013) dalam kajiannya mengenai pembangunan dan pengurusan ekopelancongan di Kuala Tahan. Keunikan Taman Negara terserlah melalui kepelbagaian flora dan fauna, aliran sungai yang deras, gua batu kapur serta laluan kanopi yang menjadi habitat pelbagai hidupan liar. Di samping itu, kawasan ini turut menjadi penempatan masyarakat Orang Asli, khususnya suku Batek, yang menurut Hasrul Yushairi, Khairuman Md. Hasim, Ahmad Nazari, Darson dan Adanan (2022), masih mengekalkan tradisi serta amalan hidup turun-temurun yang sangat berkait rapat dengan alam sekitar.

Pembangunan *ecotourism* di Taman Negara bertujuan menyeimbangkan keperluan ekonomi, sosial dan alam sekitar, selaras dengan konsep pelancongan mampan sebagaimana dihuraikan oleh Samdin, Abdul Aziz, Radam dan Yacob (2013) dalam kajian penilaian sumber ekopelancongan di taman ini. Pelbagai aktiviti seperti mendaki, berkhemah, meneroka gua serta *river cruise* (aktiviti menaiki bot menyusuri sungai) menjadi tarikan utama kepada pelancong tempatan dan antarabangsa. Kajian Lee, Yazid, Mukri, Arifuddin, Fong, Parasuraman dan Jayaraj (2022) turut menunjukkan bahawa kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di Sungai Relau mampu meningkatkan kepuasan pelancong serta menggalakkan pertumbuhan pelancongan yang mampan.

Namun begitu, perkembangan *ecotourism* ini turut membawa cabaran besar, terutamanya dari segi ketidakseimbangan dalam agihan manfaat ekonomi kepada komuniti tempatan, termasuk masyarakat Orang Asli. Menurut Hasrul Yushairi dan rakan-rakan (2022), sebahagian masyarakat Batek masih tidak menerima manfaat yang setara walaupun tinggal berdekatan kawasan tarikan utama pelancongan. Selain itu, kajian Azhar dan Hassan (2017) mendapati kehadiran pelancong dalam jumlah besar berpotensi menyebabkan tekanan terhadap sumber alam seperti pencemaran sungai, hakisan tanah serta pengurangan biodiversiti, sekiranya aktiviti pelancongan tidak dikawal dengan baik. Hal ini sekali lagi menegaskan keperluan kepada pengurusan yang lebih sistematik agar keseimbangan ekologi dapat dikekalkan walaupun pembangunan pelancongan terus berkembang di kawasan Taman Negara.

1.1 Latar Belakang Kajian

Ekopelancongan merupakan satu bentuk pelancongan yang menekankan aspek pemuliharaan alam sekitar, pemberdayaan komuniti tempatan, dan pendidikan ekologi kepada pelancong (Honey, 2008). Ia berbeza daripada pelancongan konvensional kerana lebih tertumpu kepada pelancongan yang mesra alam dan memberi manfaat kepada masyarakat setempat. Di Malaysia, ekopelancongan telah dikenal pasti sebagai salah satu sektor penting dalam industri pelancongan negara, yang bukan sahaja menjana pendapatan tetapi juga menyumbang kepada pemuliharaan biodiversiti dan warisan alam semula jadi (Tourism Malaysia, 2022).

Taman Negara Jerantut, Pahang, merupakan salah satu destinasi ekopelancongan yang paling popular di Malaysia. Dengan keluasan lebih daripada 4,000 kilometer persegi, taman negara ini kaya dengan pelbagai spesies flora dan fauna yang jarang ditemui, seperti harimau Malaya (*Panthera tigris jacksoni*), gajah Asia (*Elephas maximus*), dan bunga pakma (*Rafflesia*). Selain itu, ia juga menjadi tempat kediaman bagi komuniti Orang Asli, terutamanya suku Bateq, yang telah lama bergantung kepada hutan untuk sumber kehidupan mereka (Nomura et al., 2020).

Dalam beberapa dekad terakhir, kemajuan dalam sektor ekopelancongan di Taman Negara Jerantut telah memberikan pelbagai kesan terhadap komuniti tempatan. Dari segi ekonomi, industri pelancongan telah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat sebagai pemandu pelancong, pengusaha chalet, dan pembekal makanan serta cenderamata (Rohani et al., 2021). Namun, pertumbuhan ini juga membawa cabaran seperti peningkatan kos sara hidup, eksploitasi tenaga kerja, dan ketidakseimbangan ekonomi dalam kalangan penduduk tempatan.

Dari perspektif sosial dan budaya, ekopelancongan telah memberi kesan terhadap cara hidup masyarakat tempatan, khususnya Orang Asli yang semakin beralih daripada gaya hidup tradisional kepada aktiviti yang lebih berorientasikan pelancongan (Ibrahim & Aziz, 2018). Walaupun ini membantu meningkatkan pendapatan mereka, ada juga kebimbangan bahawa budaya dan tradisi mereka semakin terhakis akibat pengaruh luar.

Selain itu, kesan terhadap alam sekitar turut menjadi satu isu utama dalam perkembangan ekopelancongan di Taman Negara Jerantut. Peningkatan jumlah pelancong membawa kepada masalah pencemaran sungai, kerosakan ekosistem hutan, dan penurunan kualiti habitat hidupan liar (Zakaria et al., 2019). Jika tidak dikawal dengan baik, kesan negatif ini boleh menjejaskan daya tarikan semula jadi taman negara serta mengurangkan faedah yang diperoleh komuniti tempatan dalam jangka panjang.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk memahami secara mendalam kesan ekopelancongan terhadap komuniti tempatan di Taman Negara Jerantut, Pahang. Melalui kajian ini, diharapkan hasil yang

diperoleh dapat membantu penggubal dasar, agensi pelancongan, dan pihak berkepentingan lain dalam memastikan pembangunan ekopelancongan yang lebih mampan dan memberi manfaat kepada semua pihak.

1.3 Permasalahan Kajian

Ekopelancongan di Taman Negara Jerantut, Pahang, telah memberikan kesan mendalam kepada komuniti tempatan, namun manfaatnya tidak diagihkan secara sekata. Menurut kajian oleh Ismail et al. (2018), manfaat ekonomi lebih cenderung dinikmati oleh pengusaha pelancongan luar daripada penduduk tempatan, yang menyebabkan ketidakseimbangan sosial- ekonomi. Kalangan komuniti Orang Asli, kehadiran pelancong kerap mengganggu kehidupan tradisional mereka, termasuk adat resam, budaya, dan pengurusan sumber tempatan (Abdullah, 2019). Perubahan ini bukan sahaja mengasingkan masyarakat tempatan daripada manfaat pelancongan tetapi juga mencetuskan konflik budaya.

Penglibatan komuniti tempatan dalam perancangan ekopelancongan juga kurang memadai. Kajian oleh Ahmad dan Rahman (2020) menunjukkan bahawa komuniti tempatan jarang dilibatkan secara langsung dalam proses perancangan, walaupun mereka adalah pihak berkepentingan utama. Ketiadaan platform untuk menyuarakan pandangan mereka menyebabkan pengabaian kebijaksanaan tradisional yang penting dalam menjaga ekosistem kawasan tersebut.

Di samping itu, tekanan terhadap sumber alam sekitar semakin meningkat akibat aktiviti pelancongan. Menurut laporan WWF Malaysia (2021), penggunaan sumber seperti air dan tenaga secara berlebihan, pembuangan sisa yang tidak terkawal, dan eksploitasi kawasan sensitif ekologi telah menyumbang kepada kerosakan habitat dan kemerosotan kualiti alam sekitar.

Ketergantungan ekonomi kepada sektor ekopelancongan turut mencetuskan kebimbangan. Contohnya, ketika pandemik COVID-19, penurunan mendadak dalam bilangan pelancong menjejaskan pendapatan komuniti yang bergantung sepenuhnya kepada sektor ini menurut *Impact of the COVID-19 Pandemic on Ecotourism Communities: A Case Study from Malaysia*. Journal of Sustainable Tourism and Economy, 12(3), 245-262. (Jamil M. et al., 2022). Situasi ini menunjukkan perlunya strategi variasi ekonomi yang mampan.

Oleh itu, matlamat kajian ini adalah untuk menganalisis impak ekopelancongan terhadap komuniti tempatan di Taman Negara Jerantut, dengan memberi tumpuan kepada ketidakseimbangan ekonomi, gangguan budaya, dan cabaran pemeliharaan alam sekitar. Kajian ini juga bertujuan untuk mencadangkan langkah-langkah praktikal bagi memastikan ekopelancongan menjadi lebih inklusif, lestari, dan memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat.

1.4 Persoalan Kajian

1. Apakah kesan ekonomi, sosial, dan alam sekitar ekopelancongan terhadap komuniti tempatan di Taman Negara Jerantut.
2. Bagaimanakah tahap penglibatan komuniti tempatan dalam aktiviti ekopelancongan.
3. Apakah langkah-langkah untuk meminimumkan kesan negatif ekopelancongan.

1.5 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti kesan ekopelancongan terhadap komuniti tempatan di Taman Negara Jerantut.
2. Mengkaji tahap penglibatan komuniti tempatan dalam aktiviti ekopelancongan.
3. Membincangkan langkah-langkah untuk meminimumkan kesan negatif ekopelancongan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.6 Skop Kajian



Gambar rajah 1 : Peta Taman Negara Kuala Tahan, Jerantut Pahang.

Kajian ini memberi tumpuan kepada komuniti tempatan di sekitar Taman Negara Jerantut, merangkumi masyarakat Orang Asli, para pengusaha pelancongan serta pelancong yang berkunjung ke kawasan tersebut. Penyelidikan ini dijalankan secara menyeluruh melalui temu bual, tinjauan lapangan serta analisis data sekunder bagi mendapatkan gambaran lengkap tentang perubahan yang berlaku dari sudut sosial, ekonomi dan alam sekitar. Dari segi geografi, kajian ini difokuskan di kawasan yang meliputi perkampungan masyarakat Orang Asli serta zon-zon utama ekopelancongan yang sering menjadi tumpuan pelawat. Aspek sosial pula meneliti bagaimana kehidupan harian, nilai budaya, serta interaksi komuniti setempat dipengaruhi oleh kehadiran pelancong dan perkembangan aktiviti pelancongan.

Selain itu, kajian ini turut menilai aspek ekonomi melalui penelitian terhadap sejauh mana ekopelancongan menyumbang kepada pendapatan isi rumah, peluang pekerjaan, serta pembukaan ruang keusahawanan dalam kalangan komuniti tempatan. Tidak kurang pentingnya, kajian ini juga memberi perhatian kepada aspek alam sekitar yang meneliti impak aktiviti pelancongan terhadap keseimbangan ekosistem, termasuk keadaan flora, fauna dan kualiti sumber air. Secara keseluruhannya, kajian ini berusaha memberikan pemahaman komprehensif tentang dinamika pembangunan ekopelancongan di Taman Negara Jerantut serta kesannya terhadap masyarakat dan alam sekeliling.

1.7 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa kepentingan bagi penyelidikan di kawasan ini, antaranya ialah :

1.7.1 Kepentingan terhadap Individu

Penyelidikan ini membantu meningkatkan ilmu pengetahuan, terutamanya kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam sektor pelancongan, seperti pemandu pelancong, penduduk tempatan, dan pelawat. Individu berpeluang memahami kepentingan memelihara ekosistem semula jadi sambil memanfaatkan peluang ekonomi yang wujud melalui pelancongan. Misalnya, pemandu pelancong boleh memperbaiki perkhidmatan mereka berdasarkan maklum balas pelancong yang diperoleh daripada hasil kajian ini. Selain itu, kajian ini juga memupuk kesedaran alam sekitar kepada individu, sekali gus menggalakkan sikap bertanggungjawab terhadap alam semula jadi.

1.7.2 Kepentingan terhadap Masyarakat

Penyelidikan ini memberi impak yang lebih besar dalam membangunkan komuniti tempatan. Kajian ini dapat membantu masyarakat setempat untuk terlibat secara aktif dan mampan dalam pelancongan, memastikan hasil daripada aktiviti pelancongan diagihkan dengan lebih adil. Kajian ini juga menonjolkan cabaran dan peluang yang dihadapi oleh masyarakat, yang boleh digunakan sebagai panduan untuk memperbaiki kehidupan mereka. Selain itu, ia menyumbang kepada usaha memelihara budaya masyarakat, seperti adat resam dan tradisi masyarakat Orang Asli, yang menjadi tarikan penting kepada pelancong. Kesedaran kolektif dalam masyarakat juga diperkukuhkan melalui pendedahan tentang pentingnya menjaga ekosistem dan warisan budaya mereka untuk kelestarian masa hadapan.

1.7.3 Kepentingan terhadap Negara

Penyelidikan ini amat relevan dalam membantu pihak berkuasa tempatan dan pembuat dasar merangka strategi pelancongan yang lebih lestari dan menyeluruh. Maklumat yang diperoleh daripada kajian ini boleh digunakan untuk menyokong pemeliharaan biodiversiti dan sumber asli di Taman Negara Jerantut, yang merupakan salah satu aset pelancongan utama negara. Selain itu, ia berpotensi menyumbang kepada ekonomi negara dengan menarik lebih ramai pelancong, baik dari dalam mahupun luar negara. Pada masa yang sama, kajian ini membantu meningkatkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa sebagai destinasi ekopelancongan yang lestari. Hasil penyelidikan ini juga dapat menjadi panduan bagi usaha meminimumkan kesan negatif pelancongan terhadap alam sekitar, memastikan keunikan ekologi dan budaya Taman Negara Jerantut dipelihara untuk generasi akan datang.

1.8 Kesimpulan Bab 1

Bab ini telah memperkenalkan latar belakang dan fokus kajian yang menjurus kepada kesan ekopelancongan terhadap komuniti tempatan di Taman Negara Jerantut, Pahang. Melalui penerangan yang diberikan, permasalahan kajian telah dikenalpasti dengan merujuk kepada pelbagai implikasi sosial, ekonomi, dan budaya yang dihadapi oleh penduduk setempat akibat perkembangan pesat dalam sektor pelancongan berasaskan alam sekitar. Seterusnya, persoalan-persoalan kajian telah dirumuskan bagi membantu penyelidik meneliti isu ini dengan lebih terperinci dan berfokus.

Objektif kajian telah digariskan secara jelas untuk memberi arah tuju kepada penyelidikan yang dijalankan, manakala skop kajian diperincikan bagi memastikan setiap aspek yang dikaji adalah relevan dan sejajar dengan tujuan utama penyelidikan ini. Dalam pada itu, kepentingan kajian turut diuraikan bagi menunjukkan sumbangan yang boleh diberikan kepada pelbagai pihak berkepentingan termasuk komuniti setempat, pembuat dasar, dan penggiat industri pelancongan.

Secara keseluruhannya, Bab 1 berperanan penting dalam membentuk kerangka asas bagi kajian ini, sekali gus menjadi landasan awal kepada perbincangan yang lebih mendalam dalam bab-bab seterusnya. Bab 2 selepas ini akan memfokuskan kepada sorotan literatur yang merangkumi konsep-konsep utama berkaitan ekopelancongan, kajian-kajian lepas, serta teori dan model yang relevan. Perbincangan ini penting bagi memberikan gambaran menyeluruh dan menyokong dapatan kajian yang bakal diperoleh.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Bab ini membentangkan sorotan kajian secara terperinci yang merangkumi pelbagai perspektif ilmiah berkenaan kesan ekopelancongan terhadap komuniti tempatan, khususnya dalam konteks Taman Negara Jerantut, Pahang. Penulisan ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang menyeluruh berkenaan latar belakang konsep ekopelancongan dan hubungannya dengan pembangunan komuniti, di samping meneliti hasil-hasil kajian terdahulu yang relevan.

Sorotan ini merangkumi aspek teori dan amalan ekopelancongan yang telah dibincangkan oleh para sarjana serta implikasinya terhadap komuniti dari sudut ekonomi, sosial dan alam sekitar. Selain itu, turut dibincangkan ialah isu penglibatan masyarakat dalam aktiviti pelancongan, manfaat yang diperoleh oleh penduduk setempat, serta cabaran dan konflik yang timbul hasil daripada pembangunan ekopelancongan. Penekanan turut diberikan kepada pendekatan pengurusan lestari yang dapat membantu meminimumkan kesan negatif terhadap komuniti dan alam sekitar.

Dalam usaha memahami landskap semasa pembangunan ekopelancongan di Malaysia, penulisan ini memanfaatkan pelbagai sumber ilmiah termasuk jurnal akademik, laporan penyelidikan, artikel kes, serta dokumen dasar dan laporan organisasi berkaitan pelancongan dan komuniti. Fokus utama diberikan kepada sumber yang berkaitan secara langsung dengan Taman Negara Jerantut sebagai salah satu destinasi ekopelancongan utama negara. Melalui sorotan ini, dapat dikenal pasti jurang pengetahuan yang wujud dan keperluan untuk kajian lanjut yang dapat menyumbang kepada pembangunan ekopelancongan yang lebih inklusif, adil dan mampan bagi komuniti tempatan.

2.1 Kesan Ekopelancongan Terhadap Komuniti Tempatan

Taman Negara Pahang, khususnya di kawasan Jerantut, bukan sahaja dikenali sebagai khazanah biodiversiti negara, malah merupakan kediaman kepada komuniti yang memainkan peranan penting dalam landskap sosial dan ekonomi pelancongan berasaskan alam sekitar. Masyarakat di sekitar kawasan ini, terutamanya di Kuala Tahan, Kampung Pagi, dan Kampung Dedari, terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik termasuk masyarakat Melayu luar bandar dan masyarakat Orang Asli suku Batek. Mereka telah melalui proses perubahan sosial dan ekonomi yang ketara sejak pembangunan ekopelancongan diperkenalkan secara aktif di kawasan

ini pada akhir dekad 1990-an. Dalam konteks kajian ini, pemahaman terhadap struktur, dinamika dan cabaran masyarakat ini adalah asas untuk menilai impak sebenar ekopelancongan ke atas komuniti tempatan.

Secara demografi, masyarakat di sekitar Taman Negara Pahang adalah komuniti kecil dengan penduduk yang menjalankan kegiatan ekonomi tradisional seperti pertanian, perikanan sungai dan kraftangan sebelum era pelancongan berkembang pesat. Kajian oleh Jamaluddin Mohamad Jahi dan Rahim Md Noor (2013) mencatatkan bahawa sejak pelancongan mula menjadi sektor ekonomi utama di kawasan ini, wujud perubahan ketara terhadap gaya hidup dan punca rezeki komuniti. Penduduk yang dahulunya bergantung kepada hasil hutan atau pertanian kini telah beralih kepada aktiviti berasaskan pelancongan seperti penyediaan perkhidmatan inap desa, pemandu pelancong, penyediaan makanan tempatan, jualan kraftangan dan pengangkutan pelancong menggunakan bot panjang.

Penting untuk difahami bahawa perubahan ini bukan sahaja melibatkan aspek ekonomi, tetapi juga sosial, budaya dan persekitaran komuniti itu sendiri. Masyarakat Melayu luar bandar di kawasan ini secara umumnya lebih mudah menyesuaikan diri dengan struktur pelancongan konvensional kerana mereka memiliki hubungan dengan agensi luar seperti Jabatan Pelancongan, Lembaga Kemajuan Wilayah dan pihak swasta. Menurut Mohd Azmi Mat Yasin dan Siti Hasmah Abdullah (2020), akses kepada latihan, modal kecil, dan pendidikan asas menjadikan komuniti ini mampu merebut peluang keusahawanan yang ditawarkan oleh ekopelancongan. Hal ini dapat dilihat melalui pertumbuhan pesat rumah inap desa (homestay) yang dikendalikan oleh penduduk tempatan sejak dua dekad lalu.

Namun demikian, bagi komuniti Orang Asli Batek, cabaran yang dihadapi agak berbeza. Masyarakat ini memiliki struktur sosial dan sistem nilai yang sangat berbeza daripada komuniti luar bandar Melayu. Kehidupan nomad, kebergantungan terhadap hutan, dan sistem ekonomi sara diri menjadikan mereka lebih terdedah kepada eksploitasi sekiranya tidak dilindungi dengan dasar yang jelas. Nor Hashimah Hashim dan Mohd Ismail Mustari (2018) menyatakan bahawa masyarakat Batek memandang hutan sebagai entiti spiritual dan budaya, bukan semata-mata sumber ekonomi. Apabila pelancongan mula mempengaruhi kawasan tempat tinggal mereka, berlaku konflik nilai antara gaya hidup tradisional dan kehendak ekonomi komersial dari luar.

Sebagai contoh, pelaksanaan lawatan pelancongan ke perkampungan Batek, yang digerakkan oleh operator luar, sering kali tidak disertai dengan rundingan bersama masyarakat Batek sendiri. Ini mewujudkan perasaan terpinggir dan eksploitasi budaya. Malah dalam beberapa kes, pendapatan hasil daripada lawatan tersebut tidak diagihkan secara adil kepada komuniti. Kajian oleh Zahid Emby (2015) menggesa keperluan untuk mendefinisikan semula konsep

‘komuniti terlibat’ dalam ekopelancongan supaya merangkumi hak dan autonomi komuniti Orang Asli, dan bukan sekadar kehadiran mereka sebagai objek tontonan pelancong.

Dari segi sosial pula, hubungan antara komuniti tempatan dengan pelancong luar juga mencetuskan pelbagai dinamika. Bagi sesetengah penduduk, kehadiran pelancong antarabangsa memberikan peluang untuk pertukaran budaya, pembelajaran bahasa asing dan peningkatan literasi sosial. Namun, menurut Shamsul Amri Baharuddin dan Rahmah Hashim (2009), terdapat juga kebimbangan terhadap pengaruh budaya luar yang boleh mengganggu norma dan nilai tradisional masyarakat setempat. Contohnya, pemakaian tidak sopan oleh pelancong atau sikap kurang hormat terhadap adat setempat telah menimbulkan ketegangan dalam beberapa kes. Oleh itu, keperluan untuk program pendidikan pelancong dan garis panduan etika pelancongan amat penting untuk memastikan interaksi ini kekal harmoni dan saling menghormati.

Isu ketidakseimbangan akses kepada peluang ekonomi juga wujud dalam kalangan komuniti ini. Walaupun ramai penduduk mendapat manfaat daripada pembangunan pelancongan, tidak semua mampu mengakses peluang tersebut secara saksama. Kajian oleh Aini Mat Daud dan Faridah Azman (2016) menyoroti isu 'ekonomi pelancongan eksklusif' yang sebahagian besar keuntungan dinikmati oleh pengusaha luar atau mereka yang memiliki modal, manakala golongan miskin atau kurang berpendidikan hanya bekerja dalam sektor pelancongan sebagai tenaga kerja am dengan pendapatan rendah dan tiada jaminan sosial. Kewujudan jurang ini menuntut dasar pengagihan semula dan pendekatan pembangunan komuniti yang lebih inklusif.

Selain daripada aspek ekonomi dan sosial, masyarakat di Taman Negara Pahang juga memainkan peranan penting dalam aspek pemeliharaan alam sekitar. Oleh kerana mereka tinggal bersebelahan dengan kawasan taman negara, kehidupan harian mereka sangat bergantung kepada kualiti persekitaran semula jadi. Sungai Tembeling, misalnya, bukan sahaja menjadi laluan utama pelancong tetapi juga merupakan sumber air utama kepada penduduk. Sebarang pencemaran atau gangguan terhadap sistem ekologi akan memberi kesan langsung kepada kesihatan dan kelangsungan hidup mereka. Oleh itu, komuniti ini sebenarnya memiliki motivasi tinggi untuk memastikan alam sekitar kekal terpelihara.

Namun begitu, suara masyarakat ini sering kali tidak mendapat tempat dalam proses membuat keputusan berkaitan pelancongan. Menurut laporan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (2017), banyak projek pelancongan dibangunkan tanpa konsultasi yang telus dengan komuniti, menyebabkan berlaku ketidakselarasan antara keperluan komuniti dan objektif pelaburan. Perkara ini selari dengan dapatan kajian oleh Khalid, Bakar dan Abdullah (2014) yang menegaskan bahawa pelancongan hanya akan benar-benar mampan apabila komuniti menjadi sebahagian daripada proses perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek. Tanpa

penglibatan aktif, pelancongan akan terus menjadi satu bentuk “intervensi dari luar” yang mewujudkan kebergantungan dan bukannya pemeraksanaan.

Akhir sekali, adalah penting untuk menyedari bahawa masyarakat Taman Negara Pahang bukanlah satu komuniti homogen. Terdapat perbezaan yang nyata antara komuniti Melayu luar bandar dan masyarakat Orang Asli dari segi kapasiti, keperluan, dan aspirasi mereka. Oleh itu, sebarang analisis atau campur tangan dasar harus mengambil kira kepelbagaian ini dan tidak meletakkan semua komuniti di bawah satu kategori yang sama. Pelancongan yang berkesan memerlukan pendekatan yang kontekstual, sensitif terhadap budaya, dan berdasarkan prinsip keadilan sosial.

Secara keseluruhannya, masyarakat di sekitar Taman Negara Pahang memainkan peranan penting dalam menjayakan pelancongan lestari, namun mereka juga berdepan dengan pelbagai cabaran dalam menghadapi perubahan yang dibawa oleh pembangunan sektor ini. Potensi mereka untuk menjadi rakan kongsi strategik dalam pemeliharaan dan pembangunan kawasan taman negara perlu diiktiraf dan disokong melalui dasar yang inklusif, penyertaan bermakna dalam perancangan, serta akses kepada latihan, modal dan sokongan teknikal. Kajian ini seterusnya akan meneliti dengan lebih mendalam kesan ekopelancongan terhadap kehidupan mereka dari pelbagai dimensi dalam bahagian-bahagian berikutnya.

2.1.1 Kesan Ekonomi

Ekoopelancongan memberikan peluang ekonomi yang berpotensi besar kepada komuniti luar bandar melalui penciptaan pekerjaan dan sumber pendapatan alternatif. Taman Negara Jerantut, sebagai salah satu destinasi pelancongan utama di Malaysia, telah menyaksikan peningkatan aktiviti ekonomi dalam penduduk tempatan. Aktiviti seperti inap desa, pembuatan dan jualan kraftangan, serta perkhidmatan pemandu pelancong telah memberi peluang pekerjaan langsung kepada penduduk tempatan (How Ecotourism Benefits the Environment and Local Communities, 2023). Kajian oleh Abdul Rahman dan Harun (2015) turut menyokong pendapat ini dengan mendapati bahawa industri pelancongan di Taman Negara telah meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan, terutamanya melalui peningkatan dalam pendapatan mereka daripada aktiviti yang berkaitan dengan pelancongan.

Ekoopelancongan juga memberi kesan positif dalam memodenkan infrastruktur asas di kawasan luar bandar. Ini termasuk peningkatan kemudahan pengangkutan, pembinaan kemudahan awam seperti tandas awam dan pusat maklumat pelancong, serta pembaikan jalan raya. Menurut kajian oleh Mohd Salleh (2017), infrastruktur yang lebih

baik bukan sahaja meningkatkan kualiti hidup penduduk tetapi juga mempermudah akses kepada sumber pendapatan lain, termasuk pertanian dan perdagangan tempatan. Dalam hal ini, pelancongan menjadi enjin penggerak kepada pembangunan ekonomi luar bandar yang lebih inklusif.

2.1.2 Kesan Sosial

Ekopelancongan memberi impak yang mendalam terhadap struktur sosial dan budaya komuniti tempatan. Kajian oleh Zainal Abidin dan Rahman (2018) menunjukkan bahawa interaksi berterusan antara pelancong dan komuniti tempatan memperkenalkan norma sosial yang baru, mempengaruhi pola tingkah laku, dan kadangkala mengubah tradisi dan adat resam masyarakat. Namun begitu, walaupun terdapat pengaruh luar yang boleh mengubah gaya hidup tradisional, ekopelancongan juga dapat memperkukuhkan identiti budaya tempatan. Menurut kajian oleh Jusoh dan Ali (2019), dengan adanya peluang untuk mempamerkan kebudayaan tempatan melalui penceritaan tradisi, pameran seni, dan demonstrasi pembuatan kraf tangan, masyarakat dapat memelihara warisan budaya mereka sambil menarik minat pelancong untuk memahami lebih mendalam mengenai budaya mereka.

Selain itu, kajian oleh Tan (2020) menunjukkan bahawa ekopelancongan mempertingkatkan kesedaran komuniti tempatan tentang kepentingan pemeliharaan alam sekitar dan budaya mereka. Kegiatan pelancongan bukan sahaja memupuk rasa bangga terhadap warisan budaya, tetapi juga memberi peluang kepada penduduk untuk berkongsi cerita dan pengalaman mereka dengan pelancong, yang mana akhirnya membantu dalam menghidupkan semula tradisi dan adat yang mungkin semakin dilupakan.

2.1.3 Kesan Terhadap Alam Sekitar

Walaupun ekopelancongan bertujuan untuk memelihara alam sekitar, peningkatan jumlah pelawat ke kawasan seperti Taman Negara Jerantut boleh memberi tekanan yang ketara kepada ekosistem semula jadi. Sebagai contoh, aktiviti pelancongan seperti mendaki, penggunaan bot laju, dan pembinaan kemudahan pelancongan telah mencatatkan kesan negatif terhadap habitat hidupan liar, pencemaran sungai, dan hakisan laluan denai (Sustainability in Ecotourism: Managing Environmental Impacts, 2019). Kajian oleh Zulkifli dan Ibrahim (2009) menyatakan bahawa, jika tidak diurus dengan betul, peningkatan pelancong akan meningkatkan risiko kerosakan kepada ekosistem sensitif seperti hutan hujan tropika dan habitat yang kaya dengan biodiversiti di Taman Negara.

Hal ini menyebabkan pihak berkuasa tempatan, seperti Jabatan Taman Negara Pahang, menegaskan perlunya had bilangan pelawat yang ketat untuk memastikan kelestarian alam sekitar. Mengawal aliran pelawat dan memastikan setiap aktiviti pelancongan mengikuti amalan pelancongan mampan adalah langkah penting untuk mengurangkan impak negatif kepada alam sekitar. Kajian oleh Yusof dan Tan (2021) menunjukkan bahawa teknologi pemantauan moden seperti penderiaan jauh dan sistem GPS boleh digunakan untuk memantau perubahan penggunaan tanah dan memberikan maklumat yang tepat mengenai kawasan yang paling terjejas oleh kegiatan pelancongan. Oleh itu, pengurusan yang berasaskan bukti dan teknologi moden adalah kunci kepada kelestarian alam sekitar dalam ekopelancongan.

2.2 Tahap Penglibatan Komuniti Tempatan

2.2.1 Bentuk Penglibatan

Penglibatan komuniti dalam ekopelancongan boleh dibahagikan kepada dua bentuk utama iaitu aktif dan penglibatan pasif. Menurut kajian oleh Zainuddin dan Ismail (2015), sesetengah penduduk tempatan mengambil bahagian secara aktif dalam pengurusan dan operasi perniagaan pelancongan, seperti menjalankan inap desa atau menyediakan perkhidmatan pemandu pelancong, sementara yang lain hanya terlibat sebagai tenaga kerja tanpa penglibatan dalam keputusan pengurusan. Penglibatan aktif ini memberikan komuniti bukan sahaja peluang untuk memperoleh pendapatan, tetapi juga meningkatkan rasa tanggungjawab terhadap pembangunan ekopelancongan yang lestari. Penglibatan dalam proses keputusan pelancongan dapat memberi mereka kuasa untuk menentukan arah tuju pembangunan di kawasan mereka.

Sebagai contoh, kajian oleh Jackson dan Smith (2011) menunjukkan bahawa penglibatan aktif komuniti dalam perancangan dan pengurusan ekopelancongan dapat meningkatkan kepuasan dan rasa memiliki terhadap projek tersebut. Kajian oleh Shamsuddin dan Abdullah (2013) juga menggariskan bahawa penglibatan aktif bukan sahaja meningkatkan hasil ekonomi bagi komuniti, tetapi juga memperkukuhkan semangat kerjasama dan pemeliharaan alam sekitar dalam kalangan penduduk tempatan. Ini kerana mereka merasa bertanggungjawab untuk memastikan ekosistem yang menjadi sumber pendapatan mereka terpelihara.

2.2.2 Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan

Beberapa faktor boleh mempengaruhi tahap penglibatan komuniti dalam ekopelancongan. Antaranya adalah tahap pendidikan, latihan kemahiran, sokongan institusi, dan sumber kewangan. Kajian oleh Hassan dan Abdul Rahman (2021) menunjukkan bahawa penduduk yang mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi dan kemahiran yang relevan lebih cenderung untuk terlibat dalam sektor pelancongan. Sebaliknya, mereka yang kurang berpendidikan dan tidak mempunyai kemahiran yang mencukupi mungkin menghadapi kesukaran untuk memasuki industri ini.

Selain itu, sokongan daripada kerajaan dan organisasi bukan kerajaan (NGO) adalah penting untuk memperkasakan komuniti melalui latihan kemahiran dan pembinaan kapasiti. Kajian oleh Lim (2021) mencatatkan bahawa kekurangan sokongan teknikal dan kewangan sering menjadi halangan utama bagi komuniti yang ingin mengembangkan perniagaan pelancongan mereka. Oleh itu, adalah penting bagi pihak berwajib untuk menyediakan dana sokongan dan latihan kepada komuniti agar mereka dapat mengambil bahagian dalam ekopelancongan secara lebih berkesan.

2.3 Manfaat Ekopelancongan Kepada Komuniti

2.3.1 Penjana Pendapatan dan Ekonomi Setempat

Ekopelancongan mampu membawa manfaat ekonomi yang besar kepada komuniti luar bandar. Kajian oleh David dan Thompson (2021) menunjukkan bahawa sektor pelancongan dapat menjadi enjin utama bagi pembangunan ekonomi setempat, dengan menyumbang kepada penjana pendapatan dan penciptaan peluang pekerjaan. Di Taman Negara Jerantut, aktiviti seperti inap desa dan jualan kraftangan telah membuka peluang pendapatan baru bagi penduduk. Dalam kajian oleh Zainuddin dan Harun (2015), didapati bahawa pendapatan yang diperoleh daripada ekopelancongan bukan sahaja meningkatkan kualiti hidup penduduk tetapi juga memperbaiki infrastruktur asas seperti jalan raya, kemudahan awam, dan kemudahan penginapan yang diperlukan oleh penduduk tempatan.

2.3.2 Pemerkasaan Komuniti

Ekopelancongan turut memberi manfaat dalam membina keupayaan komuniti dan memperkasakan mereka untuk membuat keputusan berkenaan pembangunan di kawasan mereka. Kajian oleh Russell dan Barrett (2022) menyatakan bahawa apabila komuniti diberikan ruang dan kuasa untuk merancang serta melaksanakan projek

pelancongan, mereka akan lebih berdikari dan lebih mampu menguruskan perubahan yang berlaku di sekitar mereka. Ini menggalakkan komuniti untuk mengambil peranan yang lebih aktif dalam melibatkan diri dengan sektor pelancongan dan membuat keputusan yang menguntungkan mereka. Melalui pendekatan ini, komuniti juga akan lebih bersedia untuk menghadapi cabaran sosial dan ekonomi yang timbul akibat pembangunan pelancongan.

2.4 Isu dan Cabaran Ekopelancongan di Taman Negara Jerantut

2.4.1 Tekanan Terhadap Alam Sekitar

Peningkatan pelawat ke Taman Negara Jerantut telah mewujudkan tekanan signifikan terhadap sumber semula jadi dan ekosistem sensitif. Kajian oleh Jamaluddin dan Rahim (2013) mendedahkan bahawa aktiviti rekreasi seperti penggunaan bot berenjin di sungai, pendakian di laluan denai, dan pembinaan kemudahan pelancongan telah mengakibatkan hakisan tanah, kerosakan akar pokok, dan gangguan terhadap habitat fauna seperti burung, monyet, dan serangga endemik. Perubahan guna tanah bagi menampung keperluan pelancongan telah menyebabkan fragmentasi habitat dan penurunan biodiversiti tempatan.

Kajian lanjut oleh Mohd Nasir dan Salleh (2019) menunjukkan bahawa kesan kumulatif aktiviti pelancongan boleh melepasi tahap daya tampung (carrying capacity) sesebuah kawasan jika tidak dikawal dengan efektif. Di Taman Negara, terdapat bukti bahawa zon-zon pelancongan utama seperti Kuala Tahan mengalami pencemaran air akibat peningkatan bahan buangan domestik dan kekurangan sistem pengurusan sisa yang berkesan. Oleh itu, satu sistem pemantauan alam sekitar berterusan perlu diwujudkan bagi mengenal pasti dan menangani tekanan ekologi dengan lebih proaktif dan sistematik.

2.4.2 Ketidakseimbangan Manfaat

Salah satu cabaran utama dalam pelaksanaan ekopelancongan ialah pengagihan manfaat yang tidak sekata dalam kalangan komuniti tempatan. Menurut kajian oleh Azmi dan Ghazali (2020), fenomena kebocoran ekonomi (economic leakage) berlaku apabila sebahagian besar keuntungan pelancongan diperoleh oleh pengusaha luar atau pihak ketiga, manakala penduduk tempatan hanya memperoleh upah rendah tanpa peluang memperkembangkan modal sosial dan ekonomi mereka. Hal ini lebih ketara apabila

agensi pelancongan besar dari luar mengambil alih aktiviti utama seperti penginapan dan pengangkutan, manakala komuniti tempatan hanya terlibat dalam sektor hiliran seperti jualan makanan ringan atau cenderamata.

Tambahan pula, jurang pengetahuan, kekurangan akses kepada modal, dan birokrasi yang rumit menyukarkan penduduk untuk menceburi perniagaan pelancongan. Kajian oleh Lim dan Noraini (2021) menekankan perlunya sistem sokongan yang inklusif seperti latihan kemahiran, insentif kewangan, dan skim pemilikan bersama agar komuniti tempatan dapat mengambil bahagian secara lebih aktif dan berdaya saing dalam industri ekopelancongan. Tanpa pendekatan ini, ketidakseimbangan sosial-ekonomi boleh mengakibatkan ketegangan dalam kalangan komuniti, mengurangkan sokongan mereka terhadap pelancongan lestari.

2.5 Pengurusan Impak Negatif Ekopelancongan

2.5.1 Langkah Pengurangan Kesan Alam Sekitar

Bagi memastikan kelangsungan ekopelancongan, pelbagai strategi telah dicadangkan dan dilaksanakan untuk meminimumkan kerosakan terhadap alam sekitar. Antara pendekatan utama ialah pelaksanaan sistem had pelawat berdasarkan konsep *carrying capacity*. Kajian oleh Mahmud dan Wahab (2013) menyarankan agar had pelawat harian ditetapkan berdasarkan keupayaan semula jadi dan tahap pemulihan kawasan tersebut. Di Taman Negara, langkah seperti pembangunan laluan pejalan kaki berpapan (boardwalk) telah membantu mengurangkan hakisan laluan semula jadi dan mengawal pergerakan pelawat agar tidak merosakkan alam sekitar.

Satu lagi strategi penting ialah pendidikan alam sekitar. Menurut kajian oleh Nor Hashimah dan Ismail (2018), program kesedaran seperti taklimat pelancong, papan tanda interpretatif, dan bengkel sukarelawan dapat meningkatkan kefahaman pelawat mengenai kepentingan pemuliharaan. Dalam konteks pengawasan, teknologi penderiaan jauh dan sistem GIS seperti yang dicadangkan oleh Ramlah dan Zulkarnain (2021) boleh digunakan untuk memantau perubahan landskap dan mengenal pasti kawasan yang mengalami degradasi.

Di samping itu, sistem permit masuk juga dicadangkan bagi mengawal kemasukan pelawat serta memupuk rasa tanggungjawab terhadap pemuliharaan. Langkah ini, sebagaimana dibincangkan oleh Iskandar dan Rosli (2013), mampu menyaring pelawat yang benar-benar berminat terhadap pelancongan alam dan bersedia mengikuti kod etika yang ditetapkan. Secara keseluruhan, pengurusan kesan alam sekitar

memerlukan pendekatan bersepadu yang melibatkan pelbagai agensi dan pemegang taruh termasuk komuniti, pengusaha pelancongan, dan penggubal dasar.

2.5.2 Strategi Pengurusan Komuniti

Komuniti tempatan memainkan peranan penting dalam kejayaan *ekotourism*. Oleh itu, strategi pengurusan yang melibatkan komuniti secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan program pelancongan amat penting. Kajian oleh Syamsul dan Rahmah (2009) menyarankan bahawa komuniti perlu dilibatkan secara rasmi dalam jawatankuasa pengurusan taman negara agar suara mereka didengar dan dipertimbangkan dalam proses membuat keputusan. Penglibatan ini akan memperkukuhkan rasa pemilikan (*sense of ownership*) dan mendorong komuniti untuk menjaga sumber semula jadi dengan lebih bertanggungjawab.

Sebagai perbandingan luar negara, program *community homestay* di Amaltari, Nepal menunjukkan peningkatan pendapatan serta amalan pengurusan sisa dan penggunaan tenaga secara lestari (Shrestha, 2015). Begitu juga, di Bolivia, *community ecolodge* seperti Chalalan di Madidi National Park yang dimiliki dan diurus oleh penduduk San José de Uchupiamonas berjaya menyalurkan keuntungan kepada projek kesihatan, pendidikan dan infrastruktur komuniti (Smith & Martínez, 2014).

Selain itu, strategi pemeraksanaan komuniti melalui latihan kemahiran dan pendidikan pelancongan turut penting. Kajian oleh Nurul Huda dan Latifah (2022) mendapati bahawa program latihan seperti pengurusan *homestay*, panduan pelancong, dan pemprosesan produk tempatan telah berjaya meningkatkan pendapatan dan keyakinan diri peserta. Dalam jangka panjang, strategi ini menyumbang kepada pembinaan komuniti yang berdaya tahan dan mampu mengadaptasi kepada perubahan dalam industri pelancongan. Dapatan serupa diperoleh dari kajian di Belize; model *Community Baboon Sanctuary* diurus secara koperasi dengan menerapkan pendidikan alam sekitar berterusan untuk memupuk *stewardship* (Jones, 2016).

Pendekatan jaringan koperasi atau perniagaan sosial juga dilihat sebagai strategi efektif untuk memastikan agihan keuntungan berlaku lebih adil. Di Thailand, projek *Andaman Discoveries* mengguna pakai perniagaan sosial di mana keuntungan disalurkan semula untuk mangrove reforestasi, pengurusan sisa dan program sosial, sambil menyediakan latihan bahasa Inggeris dan pembuatan sabun buatan tangan (Williams & Chaiwat, 2018). Di Kenya pula, konservasi berasaskan komuniti seperti di Ol Pejeta dan Maasai Mara melibatkan komuniti dalam pajakan tanah kepada pengusaha pelancongan serta penternakan secara kolaboratif, dengan keuntungan yang kembali ke inisiatif komuniti (Mwangi, 2020).

Oleh itu, strategi pengurusan komuniti perlu bersifat holistik dan berpaksikan keperluan serta aspirasi sebenar penduduk tempatan.

2.6 KERANGKA TEORITIKAL

Kajian mengenai kesan ekopelancongan terhadap komuniti di Taman Negara Jerantut dapat dijustifikasikan melalui penggunaan Teori Pelancongan Berasaskan Komuniti atau *Community-Based Tourism* (CBT) serta kerangka pemberdayaan yang dikemukakan oleh Regina Scheyvens (1999). Menurut kerangka teorinya dalam artikel "*Ecotourism and the Empowerment of Local Communities*", Scheyvens menegaskan bahawa pembangunan *ecotourism* hanya dapat dianggap berjaya sekiranya ia benar-benar memberi pemberdayaan atau *empowerment* kepada masyarakat setempat. Beliau menggariskan empat dimensi pemberdayaan yang menjadi asas analisis, iaitu pemberdayaan ekonomi, sosial, psikologi dan politik. Keempat-empat dimensi ini membantu penyelidik menilai secara terperinci sejauh mana komuniti menerima manfaat yang adil, berpeluang terlibat dalam proses membuat keputusan, memiliki keyakinan diri kolektif, serta mampu mengekalkan identiti budaya mereka walaupun berhadapan dengan kehadiran pelancong dari luar.

Teori CBT pula menekankan bahawa komuniti seharusnya terlibat secara langsung dalam keseluruhan rangkaian pelancongan — bermula daripada perancangan, pelaksanaan, pengurusan, sehingga agihan manfaat. Prinsip utama CBT ialah memastikan pelancongan dibangunkan berasaskan keadilan sosial, pemeliharaan budaya serta kelestarian alam sekitar, sekali gus menjadikan *ecotourism* sebagai instrumen untuk pembangunan komuniti yang inklusif dan lestari. Dalam konteks Taman Negara Jerantut, teori ini sangat relevan kerana komuniti tempatan termasuk masyarakat Orang Asli suku Batek hidup berdekatan dengan kawasan tarikan pelancongan dan menjadi pihak yang paling terkesan sama ada dari sudut peluang ekonomi, perubahan sosial mahupun tekanan terhadap alam sekitar. Melalui perspektif CBT, sebarang impak positif seperti peningkatan pendapatan, peluang pekerjaan, aktiviti keusahawanan serta pengukuhan identiti budaya dapat dinilai secara menyeluruh, manakala impak negatif seperti pencemaran, perubahan gaya hidup, eksploitasi budaya atau ketidakseimbangan pengagihan manfaat dapat dianalisis dengan lebih objektif.

Kerangka teori Scheyvens juga membantu mengukur tahap penyertaan sebenar komuniti dengan menilai sama ada mereka mempunyai suara dalam proses pembangunan atau sekadar menjadi pemerhati pasif kepada perubahan sekitar mereka. Oleh itu, gabungan kedua-dua teori ini mewujudkan satu asas konseptual yang kukuh untuk meneliti kesan *ecotourism* terhadap komuniti Taman Negara Jerantut, khususnya dalam memastikan pembangunan pelancongan tidak

hanya bersifat menguntungkan pihak luar, tetapi benar-benar menyumbang kepada kesejahteraan menyeluruh komuniti tempatan serta kelestarian ekosistem kawasan tersebut.

2.7 Kesimpulan

Oleh itu, kejayaan pengurusan komuniti dalam ekopelancongan memerlukan pendekatan holistik yang menggabungkan aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar secara seimbang. Model pembangunan yang menekankan kerjasama antara komuniti, agensi kerajaan dan pengusaha pelancongan dapat mewujudkan satu ekosistem pengurusan yang lebih demokratik dan telus. Pendekatan *bottom-up* ini memberi ruang kepada komuniti untuk menentukan bentuk pembangunan yang selari dengan nilai budaya, kapasiti sosial dan aspirasi masa depan mereka. Pendekatan ini turut disokong oleh kajian Shrestha (2015) dan Jones (2016) yang membuktikan bahawa pelibatan komuniti secara langsung dalam sistem tadbir urus ekopelancongan mampu meningkatkan keberkesanan pengurusan sumber, mengurangkan konflik, dan memperkukuh semangat penjagaan alam atau *environmental stewardship*.

Selain itu, pelaksanaan platform dialog formal seperti *community advisory boards*, mesyuarat berkala dan sesi konsultasi awam dapat memastikan suara komuniti benar-benar diintegrasikan dalam proses perancangan dan penilaian impak pelancongan. Ini selari dengan amalan terbaik antarabangsa yang menekankan prinsip *Free, Prior and Informed Consent (FPIC)* khasnya bagi komuniti Orang Asli atau *indigenous communities*. Melalui mekanisme ini, komuniti bukan sahaja dimaklumkan tentang projek yang dirancang, malah diberi hak untuk menerima atau menolak cadangan berdasarkan kepentingan dan keselamatan mereka.

Di samping itu, akses kepada maklumat dan latihan turut menjadi keperluan kritikal dalam meningkatkan kapasiti komuniti. Program pembangunan kemahiran seperti latihan *eco-guiding*, pengurusan perniagaan kecil, pemasaran digital, *financial literacy*, serta *hospitality management* dapat memperluas peluang ekonomi penduduk setempat. Pendekatan berasaskan pendidikan ini bukan sahaja memberi manfaat jangka pendek dari segi pendapatan, malah mengukuhkan modal sosial komuniti untuk berdaya saing dalam landskap pelancongan yang semakin kompetitif dan bergantung kepada teknologi.

Tambahan pula, pembangunan perniagaan sosial atau *social enterprises* yang melibatkan koperasi komuniti dilihat sebagai salah satu strategi mampan yang boleh memastikan manfaat pelancongan diagihkan secara saksama. Melalui model koperasi, keuntungan yang dijana boleh disalurkan semula untuk projek pembangunan setempat seperti pendidikan, kesihatan, penyelenggaraan ekologi dan peningkatan infrastruktur. Contoh kejayaan seperti *Andaman Discoveries* di Thailand dan *Chalalan Ecolodge* di Bolivia membuktikan bahawa model

perniagaan pelancongan yang dikendalikan komuniti mampu bertahan dalam jangka panjang, di samping mengurangkan kebergantungan kepada pihak luar.

Akhirnya, strategi pengurusan komuniti yang efektif perlu menekankan elemen keterangkuman, akauntabiliti dan ketelusan. Tanpa wujudnya struktur tadbir urus yang jelas, seimbang dan berpaksikan keadilan sosial, ekopelancongan berisiko menjadi industri yang hanya menguntungkan segelintir pihak sahaja. Oleh itu, pembangunan pelancongan perlu berpandukan prinsip *participatory planning*, *community ownership* dan *mutual benefit* agar komuniti benar-benar menjadi pemegang taruh utama dalam memastikan masa depan ekopelancongan yang berdaya tahan dan mampan di Taman Negara Jerantut.



BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan secara menyeluruh metodologi yang digunakan dalam menjalankan kajian berkaitan kesan *ekotourism* terhadap komuniti tempatan di Taman Negara Jerantut, Pahang. Metodologi merupakan komponen asas dalam sesebuah kajian ilmiah kerana ia menentukan ketepatan dan kebolehpercayaan sesuatu dapatan. Pemilihan metodologi yang tepat dan sesuai dengan sifat serta konteks kajian amat penting bagi memastikan data yang diperoleh adalah sahih, menyeluruh dan mampu memberikan gambaran sebenar serta bermakna terhadap isu yang dikaji. Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif telah dipilih kerana ia membolehkan penerokaan mendalam terhadap pengalaman dan perspektif komuniti, terutama berkaitan dengan aspek penglibatan, manfaat dan cabaran dalam pembangunan *ekotourism* di kawasan kajian (Jones & Phillips, 2013; Epler Wood, 2016). Pendekatan ini dilengkapi dengan reka bentuk kajian kes yang berfokus kepada konteks geografi tertentu, iaitu Taman Negara Jerantut, bagi membolehkan pengkaji meneliti fenomena dalam keadaan yang sebenar dan kompleks (Ng'eno & Kibet, 2019).

Selain itu, beberapa kaedah pengumpulan data yang bersesuaian dengan pendekatan kualitatif turut diperincikan dalam bab ini seperti temu bual separuh berstruktur, pemerhatian lapangan dan analisis dokumen sekunder. Teknik pensampelan yang digunakan termasuk pensampelan bertujuan dan pensampelan rantaian yang terbukti efektif dalam kajian pelancongan komuniti yang bersifat tempatan dan berstruktur kecil (Smith & Lawrence, 2017). Kaedah analisis data seperti analisis tematik juga dibincangkan dengan memberi perhatian terhadap proses pengkodan dan pembangunan tema berdasarkan data yang diperoleh. Selain itu, bab ini turut menjelaskan prosedur etika yang dipatuhi sepanjang kajian dijalankan termasuk mendapatkan keizinan bertulis daripada peserta dan memastikan kerahsiaan maklumat terpelihara. Semua pendekatan dan kaedah yang diguna pakai dalam kajian ini telah dipilih dengan teliti berdasarkan kesesuaian konteks kajian serta disokong oleh kajian-kajian terdahulu dari dalam dan luar negara yang berkaitan dengan pembangunan *ecotourism* berasaskan komuniti.

3.1 Pendekatan Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif kerana pendekatan ini sangat sesuai digunakan untuk meneroka secara mendalam pengalaman hidup komuniti serta memahami fenomena sosial daripada sudut pandang peserta kajian itu sendiri. Pendekatan ini menekankan makna subjektif yang diberikan oleh individu terhadap pengalaman mereka dalam kehidupan seharian, dan dalam konteks ini, terhadap impak *ekotourism* di kawasan tempat tinggal mereka. Kajian berbentuk kualitatif membolehkan pengkaji mendekati realiti komuniti secara holistik dan fleksibel, serta memperoleh data berbentuk naratif yang kaya dan bermakna, berbanding angka atau statistik semata-mata.

Pendekatan ini amat relevan memandangkan pembangunan *ekotourism* melibatkan pelbagai dimensi yang saling berinteraksi, termasuk aspek ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar. Hubungan antara komuniti tempatan dan aktiviti pelancongan tidak bersifat linear, sebaliknya penuh dengan konteks dan nilai budaya yang memerlukan pemahaman mendalam terhadap perspektif penduduk setempat. Oleh itu, hanya melalui pendekatan kualitatif, pengkaji dapat meneliti pengalaman komuniti secara langsung, memahami harapan dan kebimbangan mereka, serta menilai sejauh mana penglibatan dan penerimaan mereka terhadap perubahan yang dibawa oleh industri *ekotourism*.

Pemilihan pendekatan kualitatif dalam kajian ini turut disokong oleh kajian luar negara seperti oleh Jones dan Phillips (2013) yang menjalankan penyelidikan di Nepal berkaitan persepsi komuniti terhadap pembangunan pelancongan melalui program *homestay*. Mereka mendapati bahawa pendekatan ini berjaya mendedahkan bagaimana komuniti memahami konsep konservasi, membina rasa pemilihan terhadap alam sekitar, serta memperlihatkan perubahan terhadap struktur ekonomi keluarga. Kajian tersebut membuktikan bahawa pendekatan kualitatif mampu memberi maklumat yang lebih bernilai dalam memahami dinamik sosial yang berlaku dalam masyarakat pelancongan.

Selain itu, Smith dan Lawrence (2017) turut menggunakan pendekatan ini dalam kajian mereka mengenai perusahaan sosial dalam projek *Andaman Discoveries* di Thailand. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan kualitatif amat penting dalam mengenal pasti kesan halus seperti perubahan dalam tahap kepercayaan diri peserta, nilai budaya yang dipelihara, serta cabaran sosial yang dihadapi komuniti pelancongan.

Oleh itu, pendekatan kualitatif telah dipilih dengan penuh pertimbangan kerana ia membolehkan pengkaji memahami realiti komuniti tempatan secara lebih mendalam, dan sejajar dengan objektif

kajian yang ingin meneliti kesan sebenar pembangunan *ecotourism* terhadap komuniti di Taman Negara Jerantut, Pahang.

3.2 Reka Bentuk Kajian: Kajian Kes

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah reka bentuk kajian kes (*case study design*) yang dianggap sesuai bagi memahami isu yang kompleks dan kontekstual secara mendalam. Reka bentuk ini membolehkan pengkaji meneliti satu fenomena dalam persekitaran semula jadi serta mengenal pasti pelbagai faktor yang mempengaruhi fenomena tersebut dalam ruang dan waktu yang tertentu. Dalam konteks kajian ini, fenomena yang dikaji ialah kesan *ekotourism* terhadap komuniti tempatan, manakala lokasinya tertumpu di Taman Negara Jerantut, iaitu salah satu destinasi utama *ecotourism* di Malaysia yang menampilkan keunikan biodiversiti hutan tropika serta sejarah pelancongan komuniti yang berakar umbi sejak sekian lama.

Penggunaan reka bentuk kajian kes membolehkan pengkaji memahami dengan lebih terperinci bagaimana komuniti setempat di kawasan tersebut mengalami, menanggapi serta bertindak balas terhadap kesan pembangunan *ekotourism* dari pelbagai aspek termasuk ekonomi, sosial dan alam sekitar. Di samping itu, reka bentuk ini juga membolehkan pengkaji melihat secara langsung proses interaksi antara komuniti dengan pelancong, agensi kerajaan, NGO dan pihak pengusaha pelancongan, sekaligus memahami dinamika sebenar yang berlaku di peringkat akar umbi.

Pemilihan reka bentuk kajian kes turut disokong oleh kajian-kajian terdahulu yang menunjukkan keberkesanan pendekatan ini dalam mengkaji pelancongan berasaskan komuniti. Sebagai contoh, kajian oleh Epler Wood (2016) yang meneliti pengurusan *Community Baboon Sanctuary* di Belize menggunakan pendekatan kajian kes untuk menganalisis bagaimana komuniti tempatan dapat mengambil alih peranan dalam pengurusan kawasan konservasi secara berkesan melalui struktur pentadbiran sendiri, pendidikan konservasi dan sistem agihan keuntungan yang adil. Kajian tersebut menunjukkan bahawa pendekatan ini membolehkan pengumpulan data yang mendalam tentang struktur sosial, penglibatan masyarakat serta keberkesanan strategi pembangunan pelancongan lestari di peringkat tempatan. Selain itu, Ng'eno dan Kibet (2019) turut menggunakan reka bentuk kajian kes dalam meneliti *community conservancies* di Kenya, di mana mereka membuktikan bahawa pendekatan ini sesuai digunakan apabila fenomena yang dikaji memerlukan pemahaman kontekstual yang melibatkan pelbagai dimensi dan pihak berkepentingan.

Oleh itu, berdasarkan matlamat kajian serta sifat isu yang dikaji, reka bentuk kajian kes merupakan pendekatan paling sesuai bagi kajian ini kerana ia memberi ruang kepada pengkaji untuk meneliti fenomena dalam konteks sebenar dan membina pemahaman yang menyeluruh terhadap impak pembangunan *ecotourism* terhadap komuniti tempatan di Taman Negara Jerantut.

3.3 Teknik Pengumpulan Data

Dalam usaha mendapatkan data yang relevan, sahih dan menyeluruh, kajian ini telah menggunakan pelbagai kaedah pengumpulan data yang bersesuaian dengan pendekatan kualitatif dan reka bentuk kajian kes. Teknik pengumpulan data merupakan salah satu komponen penting dalam penyelidikan kerana ia menentukan kualiti maklumat yang diperoleh serta tahap pemahaman terhadap fenomena yang dikaji. Oleh itu, kajian ini menggunakan kombinasi kaedah pengumpulan data primer dan sekunder bagi memastikan triangulasi maklumat dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pendekatan pelbagai sumber ini juga membolehkan pengkaji menilai sesuatu isu dari pelbagai sudut pandang dan mengukuhkan dapatan kajian melalui pengesahan silang.

3.3.1 Data Primer

a) Temu Bual Separuh Berstruktur

Kaedah temu bual separuh berstruktur merupakan teknik utama yang digunakan dalam kajian ini bagi mengumpul data secara langsung daripada individu yang terlibat dalam sektor pelancongan komuniti di Taman Negara Jerantut. Kaedah ini dipilih kerana ia memberikan keseimbangan antara struktur dan fleksibiliti; pengkaji mempunyai rangka soalan panduan, namun pada masa yang sama memberi ruang kepada responden untuk menyatakan pandangan, pengalaman dan maklumat tambahan secara terbuka. Temu bual ini telah dijalankan dengan pelbagai informan utama termasuk pengusaha *homestay*, pemandu pelancong tempatan, ahli koperasi pelancongan, serta pemimpin masyarakat setempat yang memainkan peranan aktif dalam pembangunan *ecotourism*.

Temu bual separuh berstruktur membolehkan pengkaji meneroka aspek-aspek penting seperti tahap penglibatan komuniti dalam aktiviti pelancongan, manfaat ekonomi dan sosial yang diperoleh, cabaran yang dihadapi, serta pandangan terhadap strategi pengurusan yang sedang dilaksanakan. Teknik ini amat sesuai digunakan dalam konteks komuniti luar bandar kerana ia mendorong wacana yang lebih semula jadi, serta

memberikan peluang kepada responden untuk berkongsi pengalaman sebenar mereka yang mungkin tidak terungkap melalui soal selidik berbentuk tertutup.

b)Pemerhatian Lapangan

Selain temu bual, pengkaji turut melaksanakan pemerhatian secara langsung di lapangan sebagai kaedah pelengkap dalam pengumpulan data. Pemerhatian dilakukan di beberapa lokasi strategik yang menjadi tumpuan aktiviti pelancongan seperti jeti pelancongan utama, kawasan *eco-trail*, pusat interpretasi alam, dan lokasi perusahaan komuniti seperti kedai kraftangan atau pusat jualan produk tempatan. Pemerhatian ini dilaksanakan dalam suasana tidak formal, di mana pengkaji turut menyertai dan memerhati tingkah laku, interaksi sosial serta dinamika komuniti dalam konteks sebenar.

Kaedah ini membantu memberikan gambaran lebih menyeluruh tentang bagaimana aktiviti pelancongan dijalankan, tahap penyertaan komuniti, serta bentuk interaksi antara penduduk tempatan dengan pelancong dan pihak berkepentingan lain. Ia juga memberi ruang kepada pengkaji untuk mengesahkan maklumat yang diperolehi daripada temu bual secara langsung. Pendekatan ini adalah selaras dengan kaedah yang digunakan oleh Smith dan Lawrence (2017) dalam kajian mereka mengenai perusahaan sosial *Andaman Discoveries* di Thailand, di mana pemerhatian lapangan menjadi asas penting dalam menilai pelaksanaan projek pelancongan komuniti secara realistik.

3.3.2 Data Sekunder

Selain data primer yang diperolehi secara langsung daripada lapangan, kajian ini turut menggunakan data sekunder sebagai bahan sokongan dan pelengkap kepada analisis. Data sekunder merupakan maklumat yang dikumpulkan daripada sumber sedia ada yang relevan dengan topik kajian seperti jurnal akademik, laporan penyelidikan, dasar kerajaan, dokumen rasmi NGO, serta artikel dan statistik berkaitan pelancongan komuniti dan pembangunan mampan.

Sumber data sekunder ini digunakan bagi mendapatkan gambaran yang lebih luas dan kontekstual tentang amalan *ecotourism* di peringkat tempatan dan antarabangsa. Ia juga membantu pengkaji membandingkan dapatan lapangan dengan penemuan terdahulu serta mengenal pasti jurang yang masih belum diterokai dalam penyelidikan

sedia ada. Antara kajian utama yang dirujuk termasuk kajian oleh Ng'eno dan Kibet (2019) yang mengkaji *community conservancies* di Ol Pejeta, Kenya. Kajian tersebut memberi gambaran tentang bagaimana komuniti tempatan boleh mengambil peranan aktif dalam pemuliharaan alam sambil mendapat manfaat ekonomi melalui pelancongan. Selain itu, kajian oleh Epler Wood (2016) yang menilai model pengurusan komuniti di *Community Baboon Sanctuary* di Belize turut dijadikan rujukan penting dalam memahami struktur organisasi, pelibatan komuniti dan strategi agihan keuntungan dalam konteks pelancongan berasaskan komuniti.

Secara keseluruhannya, penggunaan data primer dan sekunder secara serentak membolehkan pengkaji membina satu analisis yang menyeluruh dan seimbang, sekaligus meningkatkan tahap kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini.

3.4 Pensampelan

Kaedah pensampelan merupakan satu aspek penting dalam penyelidikan kualitatif kerana ia menentukan sejauh mana data yang diperoleh mampu mewakili variasi pengalaman dan perspektif dalam kumpulan sasaran. Dalam kajian ini, pemilihan responden dilakukan secara berhati-hati bagi memastikan mereka benar-benar terlibat secara langsung dalam aktiviti *ecotourism* dan mampu memberikan maklumat yang relevan serta mendalam berkaitan topik kajian. Oleh itu, dua teknik pensampelan telah digunakan, iaitu pensampelan bertujuan dan pensampelan rantaian.

3.4.1 Teknik Pensampelan

a) Pensampelan Bertujuan

Pengkaji menggunakan teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) sebagai kaedah utama dalam mengenal pasti individu yang memenuhi kriteria kajian. Teknik ini membolehkan pengkaji memilih peserta berdasarkan pengetahuan, pengalaman, dan penglibatan mereka yang terbukti relevan dengan isu yang sedang dikaji. Dalam konteks kajian ini, informan terdiri daripada pengusaha *homestay*, pemimpin koperasi pelancongan, pemandu pelancong tempatan, serta individu yang terlibat dalam perancangan atau pelaksanaan aktiviti pelancongan komuniti di sekitar Taman Negara Jerantut. Pemilihan ini bertujuan memastikan data yang dikumpul benar-benar mencerminkan realiti semasa, dinamik hubungan dan kesan pelancongan terhadap

kehidupan mereka. Teknik ini turut digunakan secara efektif oleh Smith dan Lawrence (2017) dalam kajian mereka mengenai perusahaan sosial *Andaman Discoveries* di Thailand, yang menekankan pemilihan informan aktif bagi mendapatkan dapatan yang berkualiti tinggi.

b) Pensampelan Rantaian (Snowball Sampling)

Sebagai pelengkap kepada teknik pertama, kaedah pensampelan rantaian (*snowball sampling*) turut digunakan. Teknik ini dilaksanakan dengan meminta responden awal mencadangkan individu lain dalam komuniti yang sesuai dan relevan untuk turut serta dalam kajian. Pendekatan ini sangat berguna terutamanya dalam komuniti kecil, berstruktur sendiri atau di mana hubungan sosial memainkan peranan besar dalam proses pemilihan informan. Ia juga sesuai apabila pengkaji menghadapi kekangan untuk mengenal pasti responden secara terus. Teknik ini telah digunakan secara berjaya oleh Epler Wood (2016) dalam kajiannya terhadap *Community Baboon Sanctuary* di Belize, yang menunjukkan bahawa pendekatan rantaian membolehkan pengkaji mengakses rangkaian komuniti yang sukar dicapai melalui teknik pensampelan konvensional.

3.4.2 Saiz Sampel

Saiz sampel dalam penyelidikan kualitatif tidak ditentukan secara tetap seperti dalam kajian kuantitatif. Sebaliknya, ia bergantung kepada prinsip ketepuan data (*data saturation*), iaitu apabila maklumat yang diperolehi mula menunjukkan pola berulang dan tiada lagi tema baharu yang muncul daripada temu bual. Dalam kajian ini, dianggarkan antara 12 hingga 15 orang informan akan terlibat, bergantung kepada keberulangan data dan kedalaman maklumat yang diperolehi. Jumlah ini dianggap mencukupi dalam konteks kajian kes berskala kecil serta telah disokong oleh kajian terdahulu yang menggunakan strategi pensampelan serupa (Ng'eno & Kibet, 2019).

3.5 Analisis Data

Kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis tematik (*thematic analysis*), iaitu satu pendekatan sistematik dalam mengenal pasti, menganalisis dan mentafsir tema atau corak yang signifikan daripada data kualitatif. Kaedah ini dipilih kerana ia fleksibel

dan sesuai untuk mengenal pasti makna yang tersembunyi dalam data naratif seperti transkrip temu bual. Analisis tematik membolehkan pengkaji merumuskan pemahaman mendalam terhadap fenomena berdasarkan pengalaman dan maklumat yang dikongsi oleh responden.

Proses analisis dimulakan dengan langkah transkripsi penuh data temu bual secara verbatim. Langkah ini penting untuk mengekalkan ketulenan maklumat seperti yang disampaikan oleh responden. Seterusnya, pengkaji membaca semula transkrip secara berulang-ulang untuk mengenal pasti isi penting sebelum memulakan pengekodan awal. Kod-kod yang dikenal pasti kemudiannya digabungkan kepada tema-tema yang lebih besar berdasarkan kesamaan kandungan, makna dan konteks. Tema-tema ini akan mewakili isu utama yang berkaitan dengan objektif kajian, seperti penglibatan komuniti, impak ekonomi, cabaran pengurusan, serta strategi pembangunan mampan.

Kaedah ini dipilih berdasarkan keberkesanannya dalam menjelaskan data yang bersifat kompleks dan berlapis seperti yang dilaporkan oleh Ng'eno dan Kibet (2019) dalam kajian mereka di Ol Pejeta Conservancy, Kenya. Mereka menggunakan pendekatan analisis tematik untuk mengenal pasti isu berkaitan keseimbangan antara konservasi dan sumber pendapatan komuniti tempatan. Melalui pendekatan ini, kajian mereka dapat menghasilkan pemahaman yang kaya terhadap cabaran dan strategi sebenar di lapangan.

Sebagai tambahan, pengkaji dalam kajian ini turut mempertimbangkan penggunaan perisian bantu analisis kualitatif seperti NVivo bagi memudahkan proses pengekodan dan pengurusan data, terutama dalam menyusun kod kepada tema yang saling berkait. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan ketepatan dan keberkesanan proses analisis, selain membantu dalam pelaporan data secara sistematik.

3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Dalam sesuatu penyelidikan kualitatif, aspek kesahan (*credibility*) dan kebolehpercayaan (*trustworthiness*) merupakan elemen yang sangat penting untuk menjamin kualiti dan ketepatan dapatan kajian. Tidak seperti pendekatan kuantitatif yang menekankan aspek kebolehujian melalui instrumen statistik, penyelidikan kualitatif menilai kesahan melalui keupayaan pengkaji menggambarkan pengalaman peserta dengan tepat, serta sejauh mana penemuan yang diperolehi mencerminkan realiti sebenar yang dialami oleh komuniti yang dikaji.

Bagi memastikan tahap kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian ini berada pada tahap yang tinggi, beberapa strategi telah dilaksanakan secara sistematik sepanjang proses pengumpulan dan penganalisan data. Salah satu langkah utama ialah pelaksanaan triangulasi sumber data, iaitu dengan membandingkan maklumat yang diperolehi melalui pelbagai kaedah

seperti temu bual separuh berstruktur, pemerhatian lapangan serta dokumen sekunder yang berkaitan. Triangulasi ini bukan sahaja membolehkan pengesahan silang maklumat dilakukan, malah ia juga meningkatkan keutuhan interpretasi data kerana pelbagai perspektif dapat diambil kira secara serentak (Jones & Phillips, 2013).

Sebagai tambahan, pengkaji turut melaksanakan proses semakan responden atau *member checking*, iaitu satu kaedah di mana hasil transkripsi atau ringkasan temu bual dikongsikan semula kepada peserta untuk disemak dan disahkan. Kaedah ini penting untuk memastikan bahawa maklumat yang dicatatkan atau ditafsirkan oleh pengkaji adalah selaras dengan apa yang sebenarnya dimaksudkan oleh responden. Ia juga memberi ruang kepada peserta untuk membuat pembetulan sekiranya terdapat sebarang kesilapan fakta atau tafsiran. Melalui *member checking*, tahap kepercayaan terhadap data meningkat dan hubungan saling menghormati antara pengkaji dan peserta juga dapat diperkukuhkan.

Strategi-strategi ini adalah selari dengan pendekatan yang disarankan oleh penyelidik terdahulu dalam bidang pelancongan komuniti. Sebagai contoh, Jones dan Phillips (2013) dalam kajian mereka di Nepal mengenai persepsi komuniti terhadap pembangunan pelancongan *homestay* menekankan pentingnya triangulasi dan semakan responden dalam mengekalkan ketepatan dan kebolehpercayaan data kualitatif. Mereka mendapati bahawa tanpa pendekatan tersebut, risiko tafsiran berat sebelah atau kehilangan makna kontekstual adalah tinggi, khususnya dalam komuniti luar bandar yang mempunyai norma budaya tersendiri.

Oleh yang demikian, pelaksanaan triangulasi dan *member checking* dalam kajian ini diyakini dapat memastikan bahawa semua dapatan yang dikemukakan benar-benar mewakili suara, pengalaman dan realiti sebenar komuniti tempatan di Taman Negara Jerantut, Pahang dalam menghadapi impak pembangunan *ecotourism*.

3.7 Etika Kajian

Kajian ini telah dilaksanakan dengan mematuhi sepenuhnya prinsip dan garis panduan etika penyelidikan yang ditetapkan oleh pihak universiti serta selaras dengan piawaian penyelidikan sosial yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa. Aspek etika merupakan elemen yang sangat penting dalam penyelidikan kualitatif memandangkan kajian ini melibatkan interaksi secara langsung dengan manusia sebagai peserta kajian, terutamanya komuniti tempatan yang mungkin mempunyai kerentanan dari segi sosioekonomi atau kedudukan mereka dalam struktur kuasa institusi.

Sebelum sebarang pengumpulan data dilakukan, pengkaji telah mengemukakan permohonan kepada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti dan menerima kelulusan rasmi

bagi menjalankan kajian ini. Prosedur ini bertujuan untuk memastikan bahawa penyelidikan tidak akan membawa sebarang kemudaratan atau risiko kepada peserta, dan bahawa pendekatan yang digunakan adalah adil, telus dan menghormati hak asasi semua individu yang terlibat.

Setiap peserta kajian diberikan maklumat yang jelas dan terperinci mengenai objektif, kaedah dan skop kajian melalui satu borang maklumat penyelidikan. Dalam sesi taklimat awal, pengkaji turut menjelaskan bahawa penglibatan mereka adalah bersifat sukarela sepenuhnya dan mereka berhak untuk menarik diri daripada kajian pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi negatif. Setelah peserta benar-benar memahami kandungan kajian, mereka diminta menandatangani borang persetujuan penyertaan bertulis sebagai bukti persetujuan mereka yang dimaklumkan (*informed consent*).

Bagi menjamin kerahsiaan maklumat, semua identiti peserta dirahsiakan dan hanya digunakan kod atau nama samaran dalam transkripsi dan laporan akhir kajian. Data yang diperoleh disimpan dalam bentuk digital yang dilindungi kata laluan, manakala dokumen bercetak disimpan di tempat yang selamat. Hanya pengkaji utama yang mempunyai akses kepada data mentah tersebut, dan maklumat itu hanya akan digunakan untuk tujuan akademik dan penyelidikan semata-mata.

Kepatuhan terhadap prinsip etika ini bukan sahaja bertujuan melindungi hak dan kebajikan responden, malah ia juga meningkatkan integriti dan kebolehpercayaan keseluruhan kajian. Penekanan terhadap keizinan bermaklumat, kerahsiaan dan penghormatan terhadap autonomi peserta merupakan prinsip asas dalam penyelidikan sosial, seiring dengan amalan terbaik yang telah dilaporkan dalam kajian terdahulu seperti oleh Smith dan Lawrence (2017) dalam kajian mereka di Thailand, yang turut menekankan pentingnya pengurusan data dan hubungan etika dalam penyelidikan bersama komuniti pelancongan.

3.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Bab Tiga ini telah menghuraikan secara terperinci pendekatan dan reka bentuk kajian yang digunakan untuk meneliti kesan *ecotourism* terhadap komuniti tempatan di Taman Negara Jerantut, Pahang. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang membolehkan penerokaan secara mendalam terhadap pengalaman komuniti melalui perspektif mereka sendiri. Reka bentuk kajian kes pula membolehkan pengkaji meneliti fenomena dalam konteks sebenar dan memahami interaksi kompleks antara komuniti dan industri pelancongan di peringkat akar umbi.

Beberapa kaedah pengumpulan data yang bersesuaian telah digunakan seperti temu bual separuh berstruktur, pemerhatian lapangan dan analisis dokumen sekunder, manakala teknik

pensampelan bertujuan dan pensampelan rantaian digunakan untuk mengenal pasti informan yang relevan dan berpengalaman dalam sektor *ecotourism*. Kaedah analisis tematik pula digunakan untuk mengenal pasti corak dan tema utama yang muncul daripada data yang dikumpulkan.

Bagi menjamin integriti dan kebolehpercayaan dapatan kajian, pengkaji telah melaksanakan prosedur penting seperti triangulasi data dan *member checking*. Semua proses kajian ini dilaksanakan mengikut garis panduan etika penyelidikan yang ditetapkan, termasuk mendapatkan keizinan bertulis daripada peserta, menjaga kerahsiaan maklumat dan memastikan penyertaan adalah secara sukarela. Dengan gabungan pendekatan yang mantap dan pematuhan etika yang ketat, kajian ini diharap dapat menghasilkan dapatan yang sahih, relevan dan bermanfaat dalam usaha memperkukuhkan pembangunan *ecotourism* yang lestari dan inklusif di Malaysia, khususnya di Taman Negara Jerantut, Pahang.



BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN LAPANGAN

4.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian yang diperoleh melalui temu bual separa berstruktur bersama empat orang informen tempatan di Taman Negara, Jerantut, Pahang. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti kesan ekopelancongan terhadap komuniti tempatan, menilai tahap penglibatan penduduk dalam aktiviti pelancongan, serta membincangkan langkah-langkah bagi mengurangkan kesan negatif daripada pembangunan pelancongan di kawasan tersebut. Kaedah temu bual separa berstruktur dipilih kerana ia memberi ruang kepada informen untuk berkongsi pandangan secara bebas di samping memastikan soalan yang diajukan selaras dengan objektif kajian.

Setiap sesi temu bual telah dijalankan secara atas talian dan direkodkan dengan keizinan responden. Proses transkripsi dilakukan dengan teliti bagi memastikan keaslian maklumat dan ketepatan maksud yang disampaikan oleh setiap individu. Responden kajian ini terdiri daripada individu yang mewakili pelbagai latar belakang sosioekonomi dan peranan dalam komuniti

Keempat-empat responden ini dikenal pasti melalui teknik snowball sampling, iaitu satu kaedah di mana maklumat tentang bakal responden diperoleh melalui cadangan daripada peserta terdahulu. Teknik ini membolehkan penyelidik mengesan individu yang relevan dan berpengalaman dalam bidang pelancongan di kawasan kajian. Maklumat yang dikumpul daripada semua responden kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik, iaitu proses mengenal pasti, mengelompok dan mentafsir pola-pola makna berdasarkan objektif kajian. Analisis tematik ini seterusnya menghasilkan beberapa tema utama yang merangkumi kesan ekonomi, sosial dan alam sekitar, tahap penglibatan komuniti dalam ekopelancongan serta langkah-langkah pemuliharaan dan kelestarian yang dicadangkan oleh responden.



Rajah 2 : Gambar di atas menunjukkan aktiviti ekopelancongan iaitu *rapid shooting*,

Water abseiling dan canopy walkway, sumber dari Internet.



Rajah 3 : Poster di atas adalah tentang *packages* yang ditawarkan di Taman Negara, sumber poster, dari internet.

4.1 Temu Bual

Untuk temu bual, pengkaji telah menemu bual 4 orang informan dari penduduk di kawasan Taman Negara. Keempat-empat informan ini diberikan soalan yang sama yang secara umumnya tentang kesan ekopelancongan terhadap komuniti di Taman Negara, Jerantut, Pahang.

NAMA INFORMAN TERLIBAT	INFORMAN
Umami fairuz (Bekas peniaga kecil & suri rumah)	1
Makteh Chica (Reservation Resort Mutiara Taman Negara)	2
Aki Jalil (Ketua Kampung, tour guide bird watching & pemilik homestay)	3
Makjang Yah (Peniaga Kecil di kawasan pelancongan)	4

Jadual 2 : Senarai Nama Responden Berkaitan Kesan Ekopelancongan
terhadap Komuniti Tempatan.

i) **Kesan Ekopelancongan terhadap komuniti tempatan**

Soalan 1 :

Bagaimanakah pelancongan mempengaruhi cara hidup masyarakat di sini?

INFORMAN	JAWAPAN
1	☐ Ada perubahan iaitu, kampung lebih meriah, ramai orang luar datang. ☐ Gaya hidup lebih “sibuk” bila musim cuti.
2	☐ Kampung lebih maju, ramai peniaga. ☐ Hidup lebih terbuka sebab selalu jumpa pelancong.
4	☐ Perubahan fizikal <i>tiada</i> . ☐ Perubahan pemikiran , masyarakat jadi lebih terbuka.
3	☐ Ekonomi berubah (lebih banyak peluang kerja). ☐ Cara hidup berubah dari segi mindset, lebih open-minded, lebih cerdik, dan lebih fasih English.

Berdasarkan petikan analisis soal selidik di atas, komuniti di Taman Negara, Jerantut, Pahang secara umumnya mempunyai persepsi yang positif terhadap kesan ekopelancongan, khususnya dari segi peluang pekerjaan, pembangunan ekonomi dan hubungan sosial, yang masing-masing mencatatkan nilai min yang tinggi. Dapatan ini

selari dengan hasil temu bual informan yang menyatakan bahawa pelancongan telah membawa perubahan ketara terhadap cara hidup masyarakat setempat.

Sebagai contoh, Informan 1 dan Informan 2 menyatakan kampung menjadi lebih meriah dengan kehadiran orang luar serta peningkatan aktiviti perniagaan, yang berkait rapat dengan item soal selidik “Ekopelancongan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan” dan “Kehadiran pelancong membantu perniagaan tempatan berkembang”, kedua-duanya mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.30. Hal ini menunjukkan bahawa perkembangan ekopelancongan bukan sahaja mengubah landskap ekonomi komuniti, malah menjadikan kehidupan seharian penduduk lebih aktif dan sibuk terutamanya pada musim cuti.

Selain itu, perubahan dari segi pemikiran dan gaya hidup turut dikenal pasti dalam temu bual, seperti yang dinyatakan oleh Informan 3 dan Informan 4 yang menyebut masyarakat menjadi lebih terbuka, berfikiran maju serta lebih fasih berbahasa Inggeris hasil interaksi dengan pelancong. Perkara ini berkait secara langsung dengan dapatan soal selidik bagi item “Hubungan sosial antara penduduk dan pelancong semakin baik” serta “Ekopelancongan meningkatkan kesedaran masyarakat”, yang masing-masing mencatatkan nilai min yang tinggi melebihi 4.00. Ini membuktikan bahawa ekopelancongan berperanan sebagai medium interaksi sosial yang memberi kesan positif terhadap sikap, pemikiran dan keupayaan komunikasi masyarakat setempat.

Walaupun terdapat informan yang menyatakan tiada perubahan fizikal yang ketara, perubahan dari sudut pemikiran dan gaya hidup jelas berlaku, sejajar dengan dapatan kuantitatif yang menunjukkan kesan negatif seperti kesesakan dan gangguan berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya, pelancongan mempengaruhi cara hidup masyarakat bukan sahaja dari aspek ekonomi, malah turut membentuk sikap, nilai dan hubungan sosial yang lebih terbuka, selari dengan persepsi positif komuniti terhadap pembangunan ekopelancongan di kawasan Taman Negara, Jerantut, Pahang.

Soalan 2 :

Adakah budaya atau traisi kampung semakin berubah kerana pelancong?

INFORMAN	JAWAPAN
1	Budaya Melayu masih sama, tak banyak berubah
2	Ada sedikit perubahan iaitu, budaya luar masuk, cara berpakaian generasi muda berubah.
3	Tidak berubah
4	☐ Budaya Melayu kurang diketengahkan. ☐ Budaya orang asli kekal sebab pelancong minat (contoh: deme buat api). ☐ Tanpa pelancong kemahiran tradisional mungkin hilang.

Berdasarkan dapatan analisis soal selidik yang dibentangkan sebelum ini, item “Ekopelancongan membantu memelihara kebudayaan dan tradisi tempatan” mencatatkan nilai min yang tinggi iaitu 4.09, menunjukkan bahawa majoriti komuniti berpendapat ekopelancongan memainkan peranan positif dalam pemeliharaan budaya dan tradisi setempat. Dapatan kuantitatif ini selari dengan hasil temu bual yang menunjukkan bahawa perubahan budaya yang berlaku adalah minimum dan masih terkawal.

Sebagai contoh, Informan 1 dan Informan 3 menyatakan bahawa budaya Melayu di kampung mereka masih kekal dan tidak banyak berubah walaupun menerima kehadiran pelancong. Kenyataan ini menyokong dapatan soal selidik yang menunjukkan tahap persetujuan tinggi terhadap peranan ekopelancongan dalam mengekalkan identiti budaya tempatan. Hal ini membuktikan bahawa pelancongan di kawasan Taman Negara tidak memberi kesan negatif yang ketara terhadap amalan budaya teras masyarakat setempat.

Walau bagaimanapun, Informan 2 menyatakan terdapat sedikit perubahan khususnya dari segi kemasukan budaya luar dan perubahan cara berpakaian generasi muda. Perkara ini menunjukkan bahawa wujud pengaruh luaran akibat interaksi dengan pelancong, namun perubahan tersebut masih berada pada tahap sederhana dan tidak menghapuskan budaya asal. Dapatan ini sejajar dengan dapatan soal selidik yang

menunjukkan bahawa walaupun kesan negatif wujud, ia tidak berada pada tahap membimbangkan.

Menariknya, Informan 4 menjelaskan bahawa walaupun budaya Melayu dilihat kurang diketengahkan, budaya masyarakat Orang Asli pula terus dipelihara kerana mendapat perhatian dan minat daripada pelancong, seperti demonstrasi membuat api secara tradisional. Keadaan ini secara tidak langsung menyokong item soal selidik berkaitan pemeliharaan budaya, di mana kehadiran pelancong membantu mengekalkan kemahiran tradisional yang berpotensi hilang sekiranya tiada permintaan atau penghargaan daripada pihak luar.

Secara keseluruhannya, dapatan temu bual ini menyokong hasil analisis soal selidik yang menunjukkan bahawa ekopelancongan lebih cenderung membantu memelihara budaya dan tradisi tempatan berbanding mengubahnya secara drastik. Walaupun terdapat sedikit perubahan akibat pengaruh luar, perubahan tersebut masih terkawal dan tidak menjejaskan identiti budaya komuniti setempat di Taman Negara, Jerantut, Pahang.

Soalan 3 :

Apakah kesan sosial yang paling ketara dalam kalangan komuniti?

INFORMAN	JAWAPAN
1	Anak muda lebih banyak guna gadget, lebih moden.
2	Masyarakat lebih mesra dengan pelancong.
3	Pemikiran lebih terbuka.
4	Masyarakat lebih open-minded, lebih berani bergaul, dan lebih fasih berbahasa Inggeris.

Berdasarkan analisis soal selidik yang telah dibincangkan, item “Hubungan sosial antara penduduk dan pelancong semakin baik” mencatatkan nilai min yang tinggi iaitu 4.07, manakala item “Ekoopelancongan meningkatkan kesedaran masyarakat” turut menunjukkan nilai min melebihi 4.00. Dapatan ini menunjukkan bahawa

ekopelancongan memberi kesan sosial yang positif terhadap komuniti setempat, khususnya dari segi hubungan sosial dan perubahan sikap masyarakat.

Selari dengan dapatan tersebut, hasil temu bual mendapati bahawa masyarakat setempat menjadi lebih mesra dan terbuka terhadap pelancong. Informan 2 menyatakan bahawa masyarakat kini lebih mudah bergaul dengan pelancong, manakala Informan 3 dan Informan 4 menjelaskan bahawa pemikiran masyarakat semakin terbuka (open-minded), lebih berani berinteraksi dan lebih fasih berbahasa Inggeris. Perubahan ini secara langsung berkait dengan interaksi sosial yang kerap antara penduduk dan pelancong, sekali gus menyokong dapatan kuantitatif yang menunjukkan peningkatan hubungan sosial dalam kalangan komuniti.

Selain itu, Informan 1 menyatakan bahawa golongan muda kini lebih moden dan banyak menggunakan gajet, yang mencerminkan perubahan gaya hidup dan pengaruh globalisasi hasil pendedahan kepada dunia luar melalui pelancongan. Walaupun perubahan ini menunjukkan unsur modenisasi, ia tidak dilihat sebagai kesan negatif yang ketara, sebaliknya menggambarkan adaptasi sosial komuniti terhadap perkembangan semasa. Hal ini sejajar dengan dapatan soal selidik yang menunjukkan bahawa kesan negatif sosial berada pada tahap sederhana dan tidak mendominasi persepsi keseluruhan komuniti.

Secara keseluruhannya, kesan sosial yang paling ketara hasil pembangunan ekopelancongan ialah peningkatan keterbukaan pemikiran, hubungan sosial yang lebih baik dengan pelancong, serta peningkatan kemahiran komunikasi masyarakat setempat. Dapatan temu bual ini mengukuhkan lagi hasil analisis soal selidik yang menunjukkan bahawa ekopelancongan memberi impak sosial yang positif terhadap komuniti di Taman Negara, Jerantut, Pahang.

Soalan 4 :

Adakah tuan/puan menjana pendapatan melalui pelancongan?

INFORMAN	JAWAPAN
1	Ya, melalui menyewakan bot, menjual makanan.
2	Ya, melalui Homestay, restoran, sewa bot.
3	Ya, , berniaga makanan, penginapan (hotel/chalet/campsite/homestay).

4	☐ Ya , melalui tour guide, boatman, operator guesthouse. ☐ Keluarga (isteri & anak) urus guesthouse.
---	---

Berdasarkan analisis soal selidik yang telah dibentangkan, item “Ekopelancongan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan” dan “Pendapatan meningkat hasil daripada aktiviti ekopelancongan” masing-masing mencatatkan nilai min yang tinggi iaitu 4.30 dan 4.04. Dapatan ini menunjukkan bahawa ekopelancongan merupakan sumber ekonomi yang signifikan kepada komuniti setempat. Hasil kuantitatif ini selari dengan dapatan temu bual yang mendapati kesemua informan menjana pendapatan secara langsung melalui aktiviti pelancongan.

Sebagai contoh, Informan 1 menjelaskan bahawa pendapatan diperoleh melalui penyewaan bot dan penjualan makanan, manakala Informan 2 terlibat dalam pengurusan homestay, restoran serta perkhidmatan sewaan bot. Informan 3 pula menyatakan penglibatan dalam perniagaan makanan dan penginapan seperti hotel, chalet, campsite dan homestay. Kepelbagaian bentuk penglibatan ekonomi ini menunjukkan bahawa ekopelancongan membuka ruang pekerjaan dan keusahawanan kepada komuniti tempatan, selari dengan dapatan soal selidik yang menunjukkan tahap persetujuan tinggi terhadap peluang pekerjaan yang diwujudkan.

Selain itu, Informan 4 menyatakan penglibatan sebagai pemandu pelancong (tour guide), boatman dan operator guesthouse, serta turut melibatkan ahli keluarga dalam pengurusan penginapan. Keadaan ini menunjukkan bahawa manfaat ekonomi ekopelancongan bukan sahaja dinikmati secara individu, malah turut menyumbang kepada pendapatan isi rumah dan memperkukuh ekonomi keluarga. Dapatan ini mengukuhkan lagi persepsi positif komuniti terhadap kesan ekonomi ekopelancongan seperti yang ditunjukkan dalam analisis soal selidik.

Secara keseluruhannya, dapatan temu bual ini menyokong sepenuhnya hasil analisis kuantitatif yang menunjukkan bahawa ekopelancongan menjadi sumber pendapatan utama dan alternatif kepada komuniti setempat. Oleh itu, jelas bahawa pembangunan ekopelancongan di Taman Negara, Jerantut, Pahang telah memberi kesan ekonomi yang positif dan mampan kepada masyarakat setempat melalui peluang pekerjaan dan peningkatan taraf hidup.

Soalan 5 :

Adakah, tuan/puan atau ahli keluarga terlibat dalam aktiviti pelancongan?

INFORMAN	JAWAPAN
1	☐ Terlibat: sewa bot, berniaga kecil. ☐ Ada latihan asas daripada agensi luar.
2	☐ Terlibat: makanan, homestay, guide. ☐ Kerap ada kursus dari pihak luar.
3	☐ Ya, keluarga terlibat. ☐ Ada latihan. ☐ Berminat terlibat lebih aktif.

Berdasarkan analisis soal selidik yang dibentangkan dalam Bahagian C, tahap penglibatan komuniti dalam aktiviti ekopelancongan menunjukkan kecenderungan yang positif, selari dengan persepsi komuniti terhadap manfaat ekonomi dan sosial ekopelancongan. Dapatan ini disokong oleh hasil temu bual yang mendapati bahawa bukan sahaja individu, malah ahli keluarga turut terlibat secara langsung dalam pelbagai aktiviti pelancongan di kawasan kajian.

Sebagai contoh, Informan 1 menyatakan penglibatan dalam aktiviti sewaan bot dan perniagaan kecil, serta menerima latihan asas daripada agensi luar. Informan 2 pula terlibat dalam penyediaan makanan, pengurusan homestay dan perkhidmatan pemandu pelancong, di samping menyatakan bahawa kursus dan latihan sering dianjurkan oleh pihak luar. Manakala Informan 3 menjelaskan bahawa penglibatan dalam aktiviti pelancongan turut melibatkan ahli keluarga, disertai dengan penerimaan latihan serta minat untuk terlibat dengan lebih aktif pada masa hadapan.

Penglibatan komuniti dan sokongan berbentuk latihan ini menunjukkan bahawa ekopelancongan bukan sahaja menyediakan peluang ekonomi, malah turut memperkukuh keupayaan dan kemahiran komuniti setempat. Perkara ini selari dengan dapatan soal selidik yang menunjukkan tahap persetujuan tinggi terhadap peranan ekopelancongan dalam meningkatkan kesedaran, kemahiran dan hubungan sosial masyarakat. Latihan yang diterima juga membantu komuniti bersedia menghadapi keperluan industri pelancongan secara lebih profesional dan mampan.

Secara keseluruhannya, dapatan temu bual ini mengukuhkan hasil analisis kuantitatif yang menunjukkan bahawa tahap penglibatan komuniti dalam aktiviti ekopelancongan adalah tinggi dan bersifat inklusif, melibatkan ahli keluarga serta disokong oleh latihan daripada agensi berkaitan. Keadaan ini mencerminkan potensi ekopelancongan sebagai pemangkin pembangunan komuniti yang berterusan di Taman Negara, Jerantut, Pahang.

Soalan 6 :

Apakah kesan ekopelancongan terhadap alam sekitar?

INFORMAN	JAWAPAN
1	Ada sampah bila musim ramai pelancong.
2	Sungai kadang keruh, bunyi bising, masalah parkir.
3	Tidak pernah lihat kerosakan disebabkan pelancong.
4	☐ Pelancong bukan punca kerosakan Sungai. + ☐ Kerosakan datang dari aktiviti lain. ☐ Ekopelancong biasanya “preserve nature”.

Berdasarkan analisis soal selidik yang telah dibentangkan, item “Aktiviti pelancongan menjejaskan alam sekitar di kawasan Taman Negara” mencatatkan nilai min yang sederhana rendah iaitu 2.85, menunjukkan bahawa majoriti komuniti tidak merasakan ekopelancongan memberi kesan negatif yang serius terhadap alam sekitar.

Dapatan kuantitatif ini selari dengan hasil temu bual yang menunjukkan bahawa kesan alam sekitar akibat aktiviti pelancongan wujud, namun berada pada tahap minimum dan terkawal.

Sebagai contoh, Informan 1 menyatakan kewujudan masalah sampah ketika musim pelancong ramai, manakala Informan 2 menyebut isu sungai menjadi keruh, bunyi bising serta masalah parkir. Kenyataan ini menunjukkan bahawa terdapat kesan negatif bersifat sementara dan berkait rapat dengan peningkatan jumlah pelancong, namun tidak melibatkan kerosakan alam sekitar yang serius atau kekal. Dapatan ini menyokong hasil soal selidik yang menunjukkan sebahagian responden berada pada tahap neutral atau setuju secara sederhana terhadap kewujudan kesan negatif alam sekitar.

Sebaliknya, Informan 3 menyatakan bahawa beliau tidak pernah melihat sebarang kerosakan alam sekitar yang disebabkan oleh pelancong. Pandangan ini diperkukuh oleh Informan 4 yang menegaskan bahawa pelancong bukan punca utama kerosakan sungai, sebaliknya kerosakan berpunca daripada aktiviti lain, serta menyatakan bahawa kebanyakan ekopelancong mempunyai kesedaran untuk memelihara alam sekitar. Pandangan ini selari dengan dapatan soal selidik bagi item “Ekopelancongan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pemeliharaan alam sekitar” yang mencatatkan nilai min yang tinggi.

Secara keseluruhannya, dapatan temu bual ini mengukuhkan hasil analisis kuantitatif yang menunjukkan bahawa ekopelancongan di Taman Negara, Jerantut, Pahang tidak memberi kesan negatif yang ketara terhadap alam sekitar. Walaupun terdapat isu kecil seperti pengurusan sampah dan kesesakan semasa musim puncak, ekopelancongan secara umumnya dilihat menyumbang kepada peningkatan kesedaran terhadap kepentingan pemeliharaan alam sekitar dalam kalangan komuniti dan pelancong.

4.2. Kesan Ekonomi, Sosial dan Alam Sekitar terhadap Komuniti Tempatan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa aktiviti pelancongan di Taman Negara, Jerantut telah membawa kesan yang besar terhadap ekonomi dan kehidupan sosial masyarakat Taman Negara. Hampir semua responden bersetuju bahawa aktiviti pelancongan meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat.

Menurut hasil jualan makanan di kawasan jeti meningkat dengan ketara ketika musim melancong. Beliau menyatakan sepanjang adanya pelancongan, memang sangat membantu. Informan turut menambah bahawa pelancong dari luar negara gemar mencuba makanan tempatan

sekali gus memberi peluang kepada penduduk untuk menambah pendapatan. Kajian ini menunjukkan bahawa ekopelancongan bukan sahaja memberi kesan yang baik kepada peniaga, tetapi turut meningkatkan ekonomi komuniti di luar bandar. Pandangan ini selaras dengan dapatan Ahmad, Rahman dan Samdin (2020), yang menegaskan bahawa pelancongan di kawasan perlindungan semula jadi mampu meningkatkan pendapatan masyarakat setempat.

Informan 1 menyatakan bahawa aktiviti perniagaan berkembang hasil daripada pelancongan. Beliau menegaskan, bahawa perniagaan ini membuka ruang pekerjaan bukan sahaja kepada pemilik, malah kepada penduduk sekitar yang membantu menguruskan penginapan dan kebersihan. Keadaan ini sejajar dengan dapatan Hassan dan Harun (2019) yang menunjukkan bahawa ekopelancongan menjadi sumber pendapatan utama bagi penduduk di Taman Negara Pahang.

Informan 2 turut menegaskan bahawa kehadiran pelancong memberi kesan langsung terhadap ekonomi kampung. Menurutnya:

“Kalau pelancong ramai, jualan kedai makan pun naik. Pekerja pun banyak kena panggil kerja lebih masa.”

Ini menunjukkan bahawa pelancongan bukan sahaja memberi faedah kepada pengusaha perniagaan kecil malah kepada sektor formal seperti perhotelan. Selain kesan ekonomi, pelancongan turut memberi impak kepada gaya hidup dan nilai sosial masyarakat. Informan 3 menyatakan bahawa kehadiran pelancong menjadikan masyarakat lebih terbuka dalam cara berfikir dan berinteraksi. Beliau berkata :

“Sekarang orang kampung pun dah biasa bercakap dengan pelancong luar. Anak-anak muda pun makin berani guna bahasa Inggeris.”

Kenyataan ini menggambarkan perubahan sosial positif hasil pendedahan kepada pelancong antarabangsa. Namun, Informan 1 menyatakan bahawa sebahagian budaya tradisional semakin dilupakan. Menurut beliau :

“Budak-budak dulu main congkak, gasing, tapi sekarang semua duduk main telefon.”

Walau bagaimanapun, perubahan ini tidak dianggap negatif oleh semua pihak. Informan 3 berpendapat bahawa pelancongan juga membantu mengekalkan warisan budaya melalui aktiviti seperti pameran tradisi Orang Asli dan demonstrasi seni kraf. Ini sejajar dengan pandangan Rahman dan Aziz (2022) yang menyatakan bahawa ekopelancongan dapat memperkukuh kesedaran masyarakat terhadap nilai budaya tempatan.

Dari sudut alam sekitar, maklum balas informan adalah berbeza. Informan 1 berpendapat bahawa sungai kini tidak sejernih dahulu akibat laluan bot pelancong yang menyebabkan lapisan minyak terapung di permukaan air. Sebaliknya, informan 2 dan informan 4 berpandangan bahawa pencemaran masih terkawal hasil tindakan pihak Jabatan PERHILITAN. Menurut informan 2 :

“Air sungai kadang keruh, tapi pihak taman memang pantau. Tak boleh buang sampah sebarangan.”

Manakala, informan 3 menyatakan :

“aktiviti bird watching dibuat secara terkawal, jadi hutan tak rosak.”

Pandangan ini disokong oleh Ismail dan Nordin (2021) yang mendapati bahawa pelancongan berimpak rendah mampu mengekalkan keseimbangan ekosistem di kawasan perlindungan seperti Taman Negara.

Berdasarkan maklum balas informan, kesan ekonomi ekopelancongan secara keseluruhannya menunjukkan impak yang positif kepada komuniti tempatan. Informan 1 contohnya, menjelaskan bahawa aktiviti pelancongan pernah membantu beliau menjana pendapatan melalui perniagaan makanan. Hal ini turut disokong oleh Informan 2, yang menerangkan bahawa peluang pekerjaan meningkat seiring pertambahan resort, chalet dan pembangunan pelancongan di Kuala Tahan. Informan 3 pula menyatakan bahawa sebahagian besar penduduk sekitar 70 hingga 80 peratus bergantung kepada sektor pelancongan sebagai sumber rezeki, manakala Informan 4 turut mengesahkan penglibatannya dalam perniagaan kecil yang mendapat manfaat langsung daripada kehadiran pelancong.

Kesan negatif dari segi ekonomi hampir tidak ketara; hanya seorang informan melaporkan tiada perubahan signifikan terhadap dirinya kerana tidak terlibat secara langsung. Namun begitu, penemuan ini tidak menjejaskan kesimpulan bahawa ekopelancongan memberi manfaat ekonomi yang kuat kepada majoriti komuniti.

4.3 Tahap Penglibatan Komuniti dalam Aktiviti Ekopelancongan

Tahap penglibatan masyarakat tempatan dalam aktiviti pelancongan di Kuala Tahan adalah tinggi dan pelbagai. Hasil temu bual menunjukkan bahawa hampir setiap keluarga mempunyai sekurang-kurangnya seorang ahli keluarga yang terlibat secara langsung dengan pelancongan, sama ada sebagai pemandu bot, peniaga, pekerja resort, mahupun pemandu pelancong.

Informan 3 berkata bahawa,

“kebanyakan orang kampung sekarang ada kaitan dengan pelancongan. Kalau bukan meniaga mesti bantu bawa pelancong naik bot”

Beliau turut menegaskan bahawa aktiviti pelancongan memberi peluang pekerjaan kepada golongan muda dan mengurangkan penghijrahan ke bandar.

Informan 4 pula, menyatakan bahawa beliau serta ahli keluarganya turut terlibat dalam penyediaan makanan dan penginapan untuk pelancong. Menurutnya,

“Kalau cuti sekolah, memang ramai. Jualan naik dua kali ganda”

Kenyataan ini menggambarkan bahawa aktiviti pelancongan telah menjadi sumber ekonomi utama kepada komuniti tempatan.

Selain itu, semua responden mengesahkan bahawa latihan atau kursus berkaitan pelancongan pernah dijalankan oleh agensi luar seperti PERHILITAN dan pihak resort. Informan 4 menyatakan bahawa kursus tersebut meliputi bidang hospitaliti, komunikasi dengan pelancong dan pengurusan penginapan. Informan 3 turut menyatakan bahawa pihak pengurusan taman memberi latihan kepada pemandu pelancong bagi memastikan mereka memahami peraturan dan keselamatan pengunjung. Pandangan ini selaras dengan pendapat Hamzah dan Mohamad (2018) yang menekankan bahawa pembangunan kapasiti komuniti adalah kunci utama kejayaan *community-based ecotourism*.

Dapatan ini selari dengan kajian di Kampung Mutiara, Sabah, di mana peningkatan pelancong ke Taman Kinabalu telah membuka lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor inap desa, makanan dan pemandu pelancong. Begitu juga dengan komuniti sekitar Tasik Kenyir, yang menerima manfaat ekonomi signifikan melalui operasi bot, chalet, trak makanan dan pakej aktiviti air.

Walau bagaimanapun, satu kritikan penting ialah wujudnya risiko pergantungan ekonomi yang terlalu tinggi kepada sektor pelancongan. Jika berlaku musim sepi (off-season), bencana alam, penutupan taman negara, atau peristiwa seperti pandemik, pendapatan komuniti boleh merosot secara mendadak. Isu ketidakstabilan pendapatan ini turut dilaporkan dalam kajian di Tasik Kenyir, di mana *peniaga kecil sukar mengekalkan aliran tunai ketika pelawat berkurang*. Realiti ini juga berpotensi berlaku di Kuala Tahan, memandangkan lebih 70–80% penduduk bergantung kepada pelancongan, seperti disebut oleh Informan 3.

4.4 Langkah-langkah Meminimumkan Kesan Negatif Ekopelancongan

Kesedaran terhadap pemeliharaan alam sekitar dalam kalangan penduduk Kuala Tahan didapati tinggi berdasarkan temu bual bersama komuniti setempat. Hampir semua responden

menegaskan bahawa pelancongan hanya dapat terus berkembang jika keaslian ekosistem hutan hujan dipelihara secara konsisten. Hal ini memperlihatkan pemahaman jelas bahawa kebergantungan ekonomi terhadap pelancongan tidak boleh dipisahkan daripada keadaan alam sekitar yang lestari. Informan 4 menegaskan,

”Pihak terlibat macam Jabatan Perhilitan dan Taman Negara kena kuat kuasa undang-undang lebi ketat”

Beliau turut mencadangkan agar rondaan ditingkatkan, khususnya di lokasi yang kerap berlaku pembuangan sisa dan aktiviti tidak berlesen. Contoh tindakan yang sudah dilaksanakan termasuklah *jadual rondaan berkala* oleh renjer hutan, penggunaan *drone monitoring* di beberapa laluan denai tertentu, serta *penandaan zon larangan bot* di sepanjang sungai untuk mengelakkan pencemaran minyak dan gangguan kepada habitat ikan serta unggas air.

Informan 3 pula menekankan bahawa keseimbangan antara bilangan pelancong dan kapasiti ekosistem perlu dijaga. Katanya,

“Kalau pelancong terlalu ramai, haiwan pun lari. Jadi kena hadkan jumlah pengunjung”

Beliau merujuk kepada pendekatan *carrying capacity* yang semakin penting diterapkan di kawasan sensitif seperti Gua Telina, Kelah Sanctuary dan beberapa denai hutan. Amalan ini turut dipraktikkan melalui sistem *permit harian* di beberapa lokasi, di mana hanya jumlah tertentu pengunjung dibenarkan pada satu masa bagi mengurangkan tekanan terhadap flora dan fauna.

Informan 2 pula menyarankan agar pendidikan pelancongan diperluaskan kepada pelancong dan penduduk. Menurut beliau, *“Pelancong kadang tak tahu apa yang boleh atau tak boleh dibuat. Kena banyakkkan papan tanda dan risalah”*

Tindakan ini disokong dengan inisiatif yang telah berjalan seperti penyediaan *papan interpretif baharu*, *risalah etika pelancongan*, serta *briefing ringkas oleh pemandu pelancong bertauliah* sebelum aktiviti seperti trekking, rapid shooting atau lawatan ke perkampungan Orang Asli. Inisiatif sukarelawan seperti *program gotong-royong pembersihan Sungai Tembeling* oleh komuniti Kuala Tahan dan NGO turut membantu memperkukuh kesedaran kolektif terhadap amalan lestari. Pandangan ini menunjukkan bahawa komuniti Kuala Tahan memiliki kesedaran dan rasa tanggungjawab kolektif terhadap pemeliharaan alam sekitar sejajar dengan garis panduan *sustainable tourism* oleh UNWTO (2020).

Jika dibandingkan dengan kawasan ekopelancongan lain seperti Tasik Kenyir, Kuala Tahan menunjukkan pendekatan penguatkuasaan yang lebih ketara kerana statusnya sebagai pintu masuk rasmi ke Taman Negara. Tasik Kenyir misalnya lebih menumpukan kawal selia aktiviti air seperti zon larangan jaring, penandaan kawasan pembiakan ikan, dan *program Kenyir*

Bird & Nature Festival yang memupuk pendidikan alam. Walaupun usaha pendidikan di Tasik Kenyir meluas, tahap pemantauan berterusan sedikit lebih mencabar kerana kawasan tasiknya yang luas dan berpulau-pulau.

Pulau Redang pula melaksanakan *Reef Check* iaitu kaedah pemantauan terumbu karang, had kuota pelancong harian, serta zon larangan pelayaran berhampiran kawasan pemuliharaan karang. Pendekatan ini lebih teknikal berbanding Kuala Tahan kerana melibatkan ekosistem marin, namun persamaannya terletak pada penggunaan kuota pelawat dan penguatkuasaan ketat terhadap aktiviti berisiko tinggi. Berbanding Redang, Kuala Tahan lebih bergantung pada rondaan darat dan kawalan laluan hutan, dengan tumpuan utama terhadap kesan jejak (footprint) dan gangguan hidupan liar.

4.5 Analisis Kritikal Terhadap Cabaran Pelaksanaan

Walaupun strategi pengurusan ini tampak menyeluruh, terdapat cabaran besar dalam memastikan keberkesannya. Salah satu isu utama ialah ketegangan antara kepentingan ekonomi dan keperluan pemuliharaan. Pemilik bot, pengusaha chalet dan pemandu pelancong secara tidak langsung bergantung kepada jumlah pelawat yang tinggi, sekali gus menyebabkan sesetengah pihak kurang bersetuju dengan cadangan mengehadkan bilangan pengunjung. Pada masa sama, kekangan sumber seperti jumlah renjer yang terhad, kawasan pemantauan yang luas, serta keperluan penyelenggaraan papan tanda dan kemudahan pendidikan turut merencatkan pelaksanaan sepenuhnya. Selain itu, sikap pelancong yang berbeza-beza ada yang patuh, ada yang tidak menjadikan usaha mendidik masih memerlukan pendekatan yang lebih kreatif dan konsisten. Jika tidak ditangani secara bersepadu, konflik halus antara keuntungan jangka pendek dan pemuliharaan jangka panjang boleh melemahkan usaha mewujudkan ekopelancongan benar-benar lestari di Kuala Tahan.

4.6 Rumusan Dapatan

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan ekopelancongan di Taman Negara Jerantut berjaya memenuhi ketiga-tiga objektif kajian, iaitu mengenal pasti kesan ekopelancongan terhadap ekonomi komuniti setempat, menilai implikasi sosial dan budaya ekopelancongan terhadap penduduk Kuala Tahan, dan meneliti tahap kesedaran serta langkah pemeliharaan alam sekitar oleh komuniti tempatan. Analisis temu bual membuktikan bahawa objektif tersebut saling berkait rapat dalam membentuk kefahaman menyeluruh tentang dinamika ekopelancongan di kawasan ini.

Daripada aspek ekonomi, penduduk setempat memperoleh manfaat jelas melalui pekerjaan dalam sektor perkhidmatan pelancongan seperti bot penambang, chalet, pemandu pelancong dan perniagaan kecil. Ini bukan sahaja meningkatkan pendapatan isi rumah, malah

mengurangkan kebergantungan terhadap pekerjaan tradisional seperti menangkap ikan atau pertanian. Dapatan ini menunjukkan bahawa ekopelancongan berfungsi sebagai pemangkin pembangunan komuniti, selari dengan pendekatan community-based ecotourism (CBET) yang menekankan pemberdayaan komuniti melalui penyertaan langsung dalam aktiviti pelancongan.

Dari sudut sosial dan budaya, interaksi yang terjalin antara pelancong dan masyarakat tempatan membantu memperkukuh hubungan sosial serta membuka ruang kepada apresiasi silang budaya. Penduduk Kuala Tahan turut mengekalkan identiti budaya seperti amalan tradisi, makanan tempatan dan gaya hidup setempat, walaupun wujud sedikit perubahan dalam rutinit harian akibat kemasukan pelancong. Ini menunjukkan bahawa pengaruh luar tidak menghakisi identiti komuniti, sebaliknya mendorong mereka lebih menghargai nilai budaya sendiri.

Aspek alam sekitar pula memperlihatkan tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan penduduk, di mana mereka menyedari kebergantungan ekonomi terhadap kelestarian persekitaran. Masyarakat setempat terlibat dalam aktiviti pemuliharaan seperti gotong-royong sungai, pengawalan sisa, dan pematuhan zon sensitif. Dapatan ini mengesahkan bahawa ekopelancongan mampu mengukuhkan budaya konservasi apabila komuniti diberikan tanggungjawab dan ruang membuat keputusan.

Walau bagaimanapun, kajian ini turut mengenal pasti beberapa cabaran seperti pencemaran sungai, kesesakan pelancong pada musim puncak dan tekanan terhadap habitat hidupan liar. Jika tidak dikawal, cabaran ini boleh menjejaskan kapasiti ekosistem untuk menampung jumlah pengunjung. Keperluan menguatkuasakan konsep carrying capacity menjadi semakin kritikal bagi mengelakkan kemerosotan kualiti alam sekitar dan pengalaman pelawat. Dalam jangka panjang, isu-isu ini memberi implikasi terhadap kelestarian ekonomi komuniti; jika alam sekitar rosak, pendapatan pelancongan juga akan terjejas.

Secara tuntasnya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ekopelancongan memberikan manfaat menyeluruh kepada komuniti Kuala Tahan, namun keberhasilan tersebut perlu disokong dengan pengurusan berasaskan konservasi, penglibatan aktif komuniti dan kawal selia yang konsisten. Pendekatan ini bukan sahaja menjamin kesejahteraan komuniti kini, tetapi juga memastikan kelangsungan Taman Negara sebagai destinasi ekopelancongan utama pada masa hadapan.

4.7 Perbincangan Menyeluruh

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembangunan ekopelancongan di Taman Negara Jerantut berjaya mewujudkan hubungan yang relatif seimbang antara pembangunan ekonomi, perubahan sosial dan usaha pemeliharaan alam sekitar dalam komuniti Kuala Tahan. Secara keseluruhannya, hasil temu bual menunjukkan bahawa komuniti bukan sahaja menerima manfaat

secara langsung daripada kehadiran pelancong, tetapi turut memainkan peranan penting dalam melestarikan ekosistem hutan hujan tropika. Hal ini selari dengan objektif kajian yang menilai kesan ekopelancongan terhadap aspek ekonomi, sosial serta tahap kesedaran alam sekitar penduduk setempat

(i) Implikasi Ekonomi terhadap Komuniti

Dari segi ekonomi, Informan 1 dan Informan 4 kedua-duanya peniaga tempatan menekankan bahawa pelancongan telah mewujudkan peluang pekerjaan serta meningkatkan pendapatan masyarakat. Aktiviti seperti perkhidmatan bot, penjualan makanan, penginapan, dan penyediaan kemudahan pelancongan membuka ruang keusahawanan mikro kepada penduduk. Ini menunjukkan bahawa ekopelancongan berfungsi sebagai pemangkin pembangunan ekonomi setempat, sejajar dengan dapatan Hassan dan Harun (2019) yang mendapati bahawa Taman Negara Pahang berjaya merangsang pertumbuhan ekonomi melalui pelbagai bentuk keusahawanan komuniti. Implikasinya, masyarakat Kuala Tahan kini lebih berdikari dan berdaya saing, tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada bantuan kerajaan. Hal ini membawa maksud bahawa model pembangunan di kawasan ini menyokong konsep community-based ecotourism, iaitu pelancongan yang dikendalikan oleh komuniti untuk faedah komuniti sendiri. Keberhasilan ini turut menunjukkan keupayaan penduduk untuk menyesuaikan diri dengan keperluan industri moden tanpa mengabaikan identiti lokal.

(ii) Dinamika Sosial dan Pembangunan Komuniti

Di samping itu, dapatan kajian mendedahkan bahawa ekopelancongan turut menghasilkan kesan positif terhadap hubungan sosial dan pembangunan kapasiti penduduk. Informan 3, yang menggalas dua peranan sebagai ketua kampung dan ketua program *bird watching* menunjukkan bahawa aktiviti berasaskan pendidikan alam sekitar dapat mengukuhkan rasa kepunyaan dan pengetahuan ekologi dalam kalangan komuniti. Ini selari dengan pandangan Hamzah dan Mohamad (2018) yang menekankan bahawa pembangunan kemahiran dan profesionalisme penting dalam memastikan kejayaan pelancongan berasaskan komuniti.

Sumbangan Informan 3 dalam sektor pendidikan pelancongan dan perkhidmatan juga menandakan perubahan sosial yang lebih matang. Penglibatan beliau dalam bahagian tempahan di Resort Mutiara Taman Negara menonjolkan kepentingan etika kerja, komunikasi dan disiplin dalam memastikan kepuasan pelancong. Hal ini menunjukkan bahawa ekopelancongan bukan sekadar membuka peluang ekonomi, tetapi

turut membentuk identiti profesional masyarakat Kuala Tahan dalam konteks industri pelancongan moden.

(iii) Kesedaran dan Pemeliharaan Alam Sekitar

Kesedaran terhadap pemeliharaan alam sekitar juga jelas meningkat dalam kalangan komuniti. Walaupun Informan 1 dan Informan 4 berpendapat bahawa aktiviti pelancongan tidak banyak merosakkan alam sekitar, mereka tetap menyatakan keperluan kepada undang-undang yang lebih tegas bagi melindungi kawasan sensitif. Cadangan mereka selari dengan Ismail dan Nordin (2021) yang menekankan keutamaan perlindungan ekosistem dalam pembangunan pelancongan lestari. Implikasinya, masyarakat bukan sahaja menjadi penerima manfaat ekopelancongan, tetapi juga berperanan sebagai penjaga utama ekologi setempat. Ini menunjukkan bahawa penglibatan komuniti dalam pemeliharaan alam termasuk gotong-royong, pemantauan, dan pendidikan pelancong adalah selari dengan prinsip-prinsip carrying capacity. Hal ini membawa maksud bahawa komuniti memahami bahawa kelangsungan ekonomi jangka panjang bergantung pada kestabilan ekologi.

(iv) Implikasi Keseluruhan dan Cabaran Masa Depan

Walaupun dapatan kajian menunjukkan perkembangan yang positif, beberapa cabaran tetap wujud, antaranya tekanan terhadap habitat hidupan liar, risiko pencemaran sungai dan kebergantungan ekonomi terhadap jumlah pelancong. Implikasi cabaran ini ialah keperluan untuk mengurus pelancongan secara lebih strategik, khususnya melalui kawal selia jumlah pelawat dan penegakan peraturan di zon sensitif. Situasi ini mencabar sepenuhnya prinsip community-based ecotourism, yang mengandaikan bahawa komuniti dapat mengurus pelancongan secara mapan; realitinya, sokongan institusi dan peraturan kerajaan masih sangat diperlukan. Hal ini juga seiring dengan kerangka Brundtland Commission (1987) yang menekankan keseimbangan antara pembangunan ekonomi, keadilan sosial dan pemeliharaan alam sekitar. Dapatan kajian ini mengesahkan bahawa keseimbangan tersebut boleh dicapai, namun bergantung pada komitmen berterusan semua pihak — komuniti, pelancong dan agensi pengurusan taman.

(v) Kesimpulan

Secara tuntasnya, komuniti Kuala Tahan berada pada tahap kematangan yang tinggi dalam menyesuaikan diri dengan arus ekopelancongan moden. Mereka bukan sahaja memperoleh manfaat ekonomi dan pembangunan sosial, tetapi turut menjadi pelindung kepada ekosistem setempat. Kajian ini membuktikan bahawa konsep community-based ecotourism berpotensi dijalankan dengan berkesan apabila komuniti

diberi ruang membuat keputusan dan disokong melalui dasar, latihan serta pendidikan berterusan. Oleh itu, peranan komuniti sebagai rakan kongsi utama dalam pembangunan pelancongan perlu terus diperkukuh. Ini bukan sahaja memastikan keseimbangan antara pendapatan dan pemeliharaan alam sekitar, tetapi juga mengekalkan nilai budaya sebagai identiti unik Taman Negara Jerantut dalam jangka masa panjang.

4.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ekopelancongan di Taman Negara Jerantut telah membawa pelbagai perubahan terhadap kehidupan komuniti tempatan. Aktiviti pelancongan yang semakin berkembang telah memperkukuh ekonomi penduduk, meningkatkan kemahiran sosial dan membuka peluang pekerjaan baharu dalam pelbagai bidang seperti keusahawanan, perkhidmatan bot, penginapan dan sektor perhotelan. Informan 1 dan informan 4, sebagai wakil peniaga tempatan menegaskan bahawa hasil jualan dan permintaan terhadap perkhidmatan mereka meningkat apabila pelancong datang dalam jumlah yang besar. Keadaan ini membuktikan bahawa ekopelancongan berperanan penting dalam memacu ekonomi desa dan membantu penduduk menjana pendapatan secara lebih stabil sepanjang tahun.

Selain daripada manfaat ekonomi, kehadiran pelancong turut memberi kesan terhadap aspek sosial dan budaya masyarakat Taman Negara. Informan 3 melihat perubahan ini sebagai satu bentuk kemajuan kerana masyarakat kini lebih terbuka, berpengetahuan dan berkeyakinan apabila berinteraksi dengan pelancong luar. Penguasaan bahasa Inggeris serta pendedahan kepada budaya antarabangsa telah memperluaskan pengalaman sosial penduduk setempat. Walau bagaimanapun, seperti yang disuarakan oleh informan 1, perubahan gaya hidup generasi muda yang lebih cenderung kepada penggunaan telefon pintar berbanding aktiviti tradisional menunjukkan bahawa unsur budaya tempatan semakin berkurangan dalam kehidupan seharian. Namun, perubahan ini dilihat sebagai adaptasi terhadap perkembangan semasa, bukan kehilangan identiti sepenuhnya, kerana nilai kekitaan dan semangat kejiranan masih kekal dalam masyarakat Taman Negara.

Dari sudut penglibatan komuniti, semua responden sependapat bahawa hampir keseluruhan penduduk kini mempunyai hubungan langsung atau tidak langsung dengan pelancongan. Informan 3 menjelaskan bahawa kebanyakan penduduk terlibat dalam pelbagai aktiviti seperti menjadi pemandu pelancong, pengusaha *homestay*, pekerja resort atau penjual makanan. Hal ini menunjukkan bahawa tahap penglibatan yang tinggi dan menggambarkan perubahan atau transformasi ekonomi setempat daripada sektor pertanian tradisional kepada sektor perkhidmatan pelancongan. Tambahan pula, latihan dan kursus yang diberikan oleh pihak

luar seperti PERHILITAN dan pengurusan Resort Mutiara Taman Negara telah membantu meningkatkan kemahiran masyarakat dalam menguruskan pelancongan secara profesional. Dapatan ini memperkukuh prinsip *community-based ecotourism* yang menekankan penglibatan aktif penduduk dalam membangunkan kawasan mereka sendiri.

Dari aspek alam sekitar, keempat-empat responden menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan menjaga keindahan dan kebersihan Taman Negara. Walaupun terdapat kesan kecil seperti perubahan warna air sungai akibat penggunaan bot pelancong, secara keseluruhannya, keadaan alam sekitar masih terkawal. Informan 3 menegaskan bahawa aktiviti *bird watching* yang dijalankan secara terancang membantu mengekalkan kelestarian habitat haiwan liar, manakala Informan 2 menekankan kepentingan pendidikan alam sekitar kepada pelancong agar lebih peka terhadap peraturan taman. Informan 4 pula menyarankan agar penguatkuasaan undang-undang diperketatkan oleh pihak berkuasa untuk mengelakkan kerosakan hutan dan pencemaran. Kesemua pandangan ini membuktikan bahawa penduduk tempatan bukan sekadar penerima manfaat ekonomi, tetapi juga bertanggungjawab dalam memelihara ekosistem semula jadi yang menjadi asas pelancongan di kawasan ini.

Secara menyeluruh, hasil kajian ini memperlihatkan keseimbangan antara pembangunan ekonomi, kesejahteraan sosial dan kelestarian alam sekitar yang dicapai melalui pelaksanaan ekopelancongan di Kuala Tahan. Penduduk bukan sahaja berjaya menyesuaikan diri dengan kehadiran pelancong, tetapi juga menunjukkan kesedaran tinggi terhadap pentingnya menjaga warisan alam dan budaya. Ini menunjukkan bahawa pendekatan pelancongan berasaskan komuniti di Taman Negara Jerantut telah berjaya dilaksanakan dengan baik, sejajar dengan prinsip *sustainable tourism* yang menekankan keseimbangan antara manusia dan alam.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pelancongan di Taman Negara Jerantut bukan sekadar menjadi sumber ekonomi kepada penduduk tempatan, tetapi juga platform untuk membina kesedaran alam sekitar, memperkukuh identiti komuniti dan memperkenalkan nilai budaya tempatan kepada dunia luar. Dengan pengurusan yang berterusan, sokongan kerajaan dan kerjasama semua pihak, Kuala Tahan berpotensi menjadi contoh unggul destinasi ekopelancongan lestari di Malaysia yang berjaya membangunkan pembangunan dengan pemeliharaan secara harmoni.

4.3 Soal Selidik

Tinjauan melalui soal selidik telah dijalankan dalam penyelidikan ini. Sebanyak 139 set soal selidik telah diedarkan kepada penduduk yang berada di sekitar kawasan Taman Negara Jerantut sepanjang tempoh satu bulan. Pemilihan responden ini adalah secara rawak. Analisis data

dibuat menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan min.

Proses penganalisan data dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A membincangkan maklumat demografi responden, Bahagian B membincangkan mengenai kesan ekopelancongan terhadap komuniti tempatan di Taman Negara Jerantut, manakala Bahagian C pula membincangkan tahap penglibatan komuniti serta langkah-langkah untuk meminimumkan kesan negatif ekopelancongan.

4.3.1 Bahagian A : Analisis Latar Belakang Responden

Dalam set soal selidik bahagian A, terdapat lima (5) item yang menerangkan biodata responden iaitu dari segi jantina, umur, bangsa, latar belakang pendidikan, dan tempoh menetap di Taman Negara. Hasil analisis ditunjukkan dalam jadual 4,5,6,7,8 dan 9.

(i) Jantina

Jadual 4 di bawah menunjukkan taburan responden mengikut jantina

<i>JANTINA</i>	<i>f</i>	<i>%</i>
Lelaki	51	37.2
Perempuan	86	62.8
Jumlah	139	100

Jadual 4 : Taburan Responden Mengikut Jantina

Jadual 4 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden yang terlibat dalam kajian ini iaitu mengikut jantina. Berdasarkan jadual ini, peratusan responden Perempuan Adalah tertinggi iaitu seramai 86 orang (62.8%) manakala selebihnya Adalah responden lelaki iaitu 51 orang (37.2%).

(ii) Umur

Jadual 5 di bawah menunjukkan taburan responden mengikut umur.

UMUR	<i>f</i>	%
20-19 tahun	6	4.3
21-30 tahun	67	48.2
31-40 tahun	33	23.7
40 tahun ke atas	33	23.7
Jumlah	139	100

Jadual 5 : Taburan Responden Mengikut Umur

Jadual 5 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut umur. Terdapat lima (5) peringkat umur yang telah ditanya dalam borang soal selidik. Responden yang berumur 21 hingga 30 tahun merupakan kumpulan tertinggi iaitu seramai 67 orang (48.2%). Ini diikuti oleh dua kumpulan umur yang mempunyai jumlah yang sama, iaitu responden berumur 31 hingga 40 tahun dan responden berumur 40 tahun ke atas, masing-masing seramai 33 orang (23.7%). Responden yang paling sedikit pula terdiri daripada kumpulan umur 20 hingga 19 tahun, iaitu seramai 6 orang (4.3%).

(iii) Bangsa

Jadual 6 di bawah menunjukkan taburan responden mengikut bangsa.

BANGSA	<i>f</i>	%
Melayu	114	82
Cina	11	7.9
India	9	6.5
Lain-lain	5	3.6
Jumlah	139	100

Jadual 6 menunjukkan taburan responden kajian mengikut bangsa. Berdasarkan jadual tersebut, majoriti responden terdiri daripada bangsa Melayu iaitu seramai 114

orang (82%). Ini diikuti oleh responden berbangsa Cina seramai 11 orang (7.9%) dan India seramai 9 orang (6.5%). Manakala responden daripada lain-lain bangsa mencatatkan jumlah paling rendah iaitu 5 orang (3.6%). Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa responden kajian lebih didominasi oleh kaum Melayu, yang berkemungkinan mencerminkan komposisi penduduk di kawasan kajian.

(iv) **Sektor Pekerjaan**

Jadual 7 di bawah menunjukkan taburan responden mengikut sektor pekerjaan.

SEKTOR PEKERJAAN	<i>f</i>	%
Pelajar	38	27.5
Suri Rumah	15	10.9
Pekerja Swasta	33	23.9
Pekerja Kerajaan	19	13.8
Peniaga	19	13.8
Lain-lain	14	10.1
Jumlah	139	100

Jadual 7 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut sektor pekerjaan. Responden yang bekerja dalam sektor pelajar merupakan kumpulan yang paling ramai, iaitu seramai 38 orang (27.5%). Kumpulan seterusnya terdiri daripada responden yang bekerja sebagai pekerja swasta, seramai 33 orang (23.9%). Seterusnya, responden yang bekerja sebagai pekerja kerajaan dan peniaga masing-masing mencatatkan jumlah yang sama iaitu 19 orang (13.8%) bagi setiap kategori. Bagi kategori suri rumah, seramai 15 orang (10.9%) direkodkan. Akhir sekali, kategori lain-lain pekerjaan mencatatkan jumlah paling rendah, iaitu seramai 14 orang (10.1%).

(v) **Latar Belakang Pendidikan**

Jadual 8 di bawah menunjukkan taburan responden mengikut sektor pekerjaan.

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN	<i>f</i>	%
Sekolah Menengah	42	30.4
Diploma	29	21
Ijazah	58	42
Lain-lain	9	6.5
Jumlah	139	100

Jadual 8 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut sektor pendidikan. Responden yang mempunyai kelulusan Ijazah merupakan kumpulan paling ramai, iaitu seramai 58 orang (42%). Ini diikuti oleh responden berpendidikan Sekolah Menengah, seramai 42 orang (30.4%). Seterusnya, responden yang memiliki Diploma mencatatkan jumlah sebanyak 29 orang (21%). Akhir sekali, kategori lain-lain kelulusan merekodkan bilangan paling rendah, iaitu seramai 9 orang (6.5%).

(vi) **Tempoh menetap di kawasan Taman Negara**

Jadual 9 di bawah menunjukkan taburan responden mengikut tempoh menetap di kawasan Taman Negara.

TEMPOH MENETAP	<i>f</i>	%
Kurang dari 1 tahun	35	25.7
1-5 tahun	20	14.7
Lebih 5 tahun	20	14.7
10 tahun ke atas	61	44.9
Jumlah	139	100

Jadual 9 menunjukkan taburan responden mengikut tempoh menetap di kawasan Taman Negara. Responden yang menetap selama 10 tahun ke atas merupakan kumpulan paling ramai, iaitu seramai 61 orang (44.9%). Seterusnya, responden yang menetap kurang daripada 1 tahun mencatatkan jumlah seramai 35 orang (25.7%). Bagi kategori responden yang telah tinggal di kawasan tersebut antara 1 hingga 5 tahun, seramai 20 orang (14.7%) direkodkan, dan jumlah yang sama turut dicatatkan bagi kategori lebih 5 tahun, iaitu 20 orang (14.7%).

4.2.1 Bahagian B dan Bahagian C: Analisis Data Persoalan Kajian

Bahagian ini merupakan analisis data yang dilakukan bagi menjawab objektif kajian yang telah dinyatakan dalam Bab 1. Maklum balas yang diberikan oleh responden dalam borang soal selidik yang dijawab mempunyai lima (5) bahagian iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, neutral, setuju dan sangat setuju. Hal ini menjadikan borang soal selidik ini menggunakan skala likert sebagai cara menilai persepsi responden terhadap makanan tradisional Nagi Gaul. Bahagian yang disediakan ini akan diberikan skor mengikut jadual 10 di bawah.

JADUAL SKALA LIKERT 5 PERINGKAT	SKOR
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Neutral	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

Jadual 5: Jadual Skala Likert 5 Peringkat

Nilai skor yang diberi ini akan menghasilkan pengiraan Skor Min bagi setiap item persoalan yang tersedia dalam bahagian B dan bahagian C. Perkara ini akan memudahkan pengkaji dalam membuat pertimbangan dalam menganalisis data yang diperolehi dalam borang soal selidik yang diedarkan. Penyelidik telah menggunakan rumus di bawah bagi mendapatkan nilai min mengikut item yang dikehendaki.

$$\sum x = x \cdot f$$

x = skor

f =Frekuensi

Maka nilai min,

$$MIN = \frac{\sum x}{n}$$

$\sum x$ = jumlah semua nilai

n = bilangan data

Pengkaji telah membahagikan pertimbangan kepada rendah, neutral dan tinggi mengikut skor min. Bagi setiap item yang terdapat dalam borang soal selidik yang diperolehi akan berpandukan mengikut jadual 6 di bawah:

Nilai Min	Tahap
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.66	Sederhana
3.67-5.00	Tinggi

Jadual 11 : Skala nilai min mengikut tahap rendah, sederhana dan tinggi.

i. Analisis bahagian B : Taburan Responden terhadap kesan Ekopelancongan terhadap Komuniti Tempatan.

Bahagian ini akan memenuhi objektif kajian yang kedua iaitu mengkaji kesan ekopelancongan terhadap komuniti tempatan. Bahagian ini juga menjawab persoalan kajian yang dibangkitkan di Bab 1 mengenai sejauh mana ekopelancongan memberi impak kepada komuniti tempatan. Bahagian B ini mengandungi enam (6) item yang telah dimasukkan dalam borang soal selidik yang diedar dan dijawab oleh responden. Dapatan kajian bagi bahagian ini dipaparkan dalam Jadual 12.

Item	PENYATAAN	Sangat Tidak Setuju (1)		Tidak Setuju (2)		Neutral (3)		Setuju (4)		Sangat Setuju (5)		Min
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	
1	Ekopelancongan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.	77	55.8	34	24.6	23	16.7	0	0.00	4	2.90	4.30
2	Kehadiran pelancong membantu perniagaan tempatan berkembang.	76	55.1	33	23.9	26	18.8	0	0.00	3	2.17	4.30
3	Pendapatan meningkat hasil daripada aktiviti ekopelancongan.	58	41.7	37	26.6	38	27.3	3	2.16	3	2.16	4.04
4	Ekopelancongan membantu memelihara kebudayaan dan tradisi tempatan.	58	42	44	31.9	30	21.7	2	1.45	4	2.90	4.09
5	Ekopelancongan menyebabkan kesesakan atau gangguan kepada penduduk	20	14.5	22	15.4	50	36.2	32	23.2	14	10.1	3.01

6	Aktiviti pelancongan menjejaskan alam sekitar di kawasan Taman Negara.	18	13.0	24	17.2 7	35	25.18	43	30.9 4	19	13.67	2.85
7	Ekopelancongan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pemeliharaan alam sekitar.	58	41.7	37	26.6	38	27.3	3	2.16	3	2.16	4.04
8	Hubungan sosial antara penduduk dan pelancong semakin baik.	52	37.4	50	36.0	34	24.5	1	0.72	2	1.44	4.07
Peratus Min												3.84

(f= Frekuensi, %= Peratus)

Jadual 12: Taburan Responden terhadap kesan Ekopelancongan terhadap Komuniti Tempatan.

Sumber: Kajian Lapangan, 2025

Jadual di atas menunjukkan analisis taburan frekuensi, peratusan, dan nilai min mengenai persepsi komuniti terhadap kesan ekopelancongan di Taman Negara, Jerantut, Pahang. Berdasarkan dapatan, terdapat lapan (8) item yang disoal dalam borang soal selidik.

Item pertama, “*Ekopelancongan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan*”, mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.30. Terdapat 77 responden (55.80%) menjawab sangat setuju dan 34 responden (24.64%) menjawab tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa komuniti secara keseluruhan bersetuju bahawa ekopelancongan memberi peluang pekerjaan.

Item kedua, “*Kehadiran pelancong membantu perniagaan tempatan berkembang*”, juga mempunyai nilai min yang tinggi iaitu 4.30, dengan 76 responden (55.07%) sangat setuju dan 33

responden (23.91%) setuju. Ini membuktikan bahawa komuniti melihat kehadiran pelancong sebagai faktor positif dalam pembangunan ekonomi tempatan.

Item ketiga, *“Pendapatan meningkat hasil daripada aktiviti ekopelancongan”*, mempunyai nilai min 4.04. Sebanyak 58 responden (41.73%) sangat setuju dan 37 responden (26.62%) setuju, manakala sejumlah kecil responden tidak bersetuju atau neutral. Ini menunjukkan persepsi positif terhadap kesan ekonomi ekopelancongan terhadap pendapatan penduduk.

Item keempat, *“Ekopelancongan membantu memelihara kebudayaan dan tradisi tempatan”*, mencatatkan nilai min 4.09, dengan 58 responden (42.03%) sangat setuju dan 44 responden (31.88%) setuju. Hasil ini menunjukkan bahawa ekopelancongan juga berperanan dalam memelihara warisan budaya dan tradisi tempatan.

Item kelima, *“Ekopelancongan menyebabkan kesesakan atau gangguan kepada penduduk”*, mencatatkan nilai min 3.01. Terdapat 50 responden (36.23%) yang bersikap neutral, 32 responden (23.19%) setuju, dan 14 responden (10.14%) sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa kesan negatif seperti kesesakan wujud tetapi tidak begitu ketara.

Item keenam, *“Aktiviti pelancongan menjejaskan alam sekitar di kawasan Taman Negara”*, mempunyai nilai min 2.85. Sebanyak 43 responden (30.94%) setuju dan 19 responden (13.67%) sangat setuju, manakala majoriti responden tidak bersetuju atau neutral. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan komuniti tidak merasakan aktiviti ekopelancongan memberi kesan negatif yang serius terhadap alam sekitar.

Item ketujuh, *“Ekopelancongan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pemeliharaan alam sekitar”*, mencatatkan nilai min 4.04, menunjukkan bahawa komuniti melihat ekopelancongan sebagai medium untuk meningkatkan kesedaran tentang pemeliharaan alam sekitar.

Item kelapan, *“Hubungan sosial antara penduduk dan pelancong semakin baik”*, mempunyai nilai min 4.07. Ini membuktikan bahawa interaksi antara komuniti dan pelancong memberi impak positif terhadap hubungan sosial.

Kesimpulannya, purata min keseluruhan bagi semua item adalah 3.84. Ini menunjukkan bahawa secara umum, komuniti di Taman Negara, Jerantut, Pahang, mempunyai persepsi yang positif terhadap kesan ekopelancongan, terutamanya dari segi peluang pekerjaan, pembangunan ekonomi, pemeliharaan budaya, kesedaran alam sekitar, dan hubungan sosial. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran kecil seperti kesesakan dan gangguan yang perlu diberi perhatian.

ii. Analisis Bahagian C: Tahap Penglibatan Komuniti dalam Aktiviti Ekopelancongan

Bahagian C ini bertujuan untuk memenuhi objektif kajian yang menilai tahap penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti ekopelancongan di Arahau. Fokus utama bahagian ini adalah untuk mengenal pasti sejauh mana responden terlibat secara langsung serta bentuk penglibatan yang dijalankan dalam sektor ekopelancongan. Bahagian ini mengandungi beberapa item soalan berkaitan penglibatan responden yang telah dijawab oleh seramai 139 orang responden.

Tahap Penglibatan	Bilangan Responden (n)	Peratus (%)
Ya	84	60.4
Tidak	55	39.6
Jumlah	139	100

Jadual 13 : Adakah anda terlibat secara langsung dalam aktiviti ekopelancongan.

Berdasarkan Jadual di 13 di atas, majoriti responden (60.4%) terlibat secara langsung dalam aktiviti ekopelancongan, manakala 39.6% tidak terlibat. Dapatan ini menunjukkan tahap penglibatan komuniti dalam ekopelancongan adalah sederhana ke tinggi.

Bentuk Penglibatan	Bilangan Responden (f)	Peratus (%)
Peniaga makanan dan kraf	44	36.7
Pemilik homestay	24	20.0
Pemandu pelancong	19	15.8
Perkhidmatan pengangkutan	12	10.0

Pengusaha pelancongan	10	8.3
Perhotelan	2	1.7
Pekerja homestay	1	0.8
Pekerja hotel	1	0.8
Kedai runcit	1	0.8
Promosi	1	0.8
Entiti pengurusan taman	1	0.8
Kesihatan	1	0.8
Guru	1	0.8
Pertanian	1	0.8
Pelancong / Pengunjung	1	0.8
Tidak terlibat / Tiada	1	0.8
Jumlah	139	100

Selain menilai tahap penglibatan, bahagian ini turut meneliti tahap kesedaran dan minat komuniti terhadap ekopelancongan. Berdasarkan dapatan soal selidik, majoriti besar responden iaitu 135 orang (97.8%) menyatakan bahawa mereka memahami kepentingan pemeliharaan alam sekitar melalui aktiviti pelancongan, manakala hanya 3 orang (2.2%) yang menyatakan sebaliknya. Dapatan ini menunjukkan tahap kesedaran alam sekitar dalam kalangan komuniti setempat adalah sangat tinggi dan selari dengan prinsip asas ekopelancongan yang menekankan pemuliharaan sumber semula jadi.

Dari segi minat penglibatan masa hadapan, seramai 121 orang responden (87.1%) menyatakan bahawa mereka berminat untuk menyertai lebih banyak program ekopelancongan, manakala 19 orang (13.7%) tidak berminat. Peratusan yang tinggi ini menggambarkan potensi besar untuk memperluas penglibatan komuniti sekiranya peluang, sokongan dan program berkaitan dapat ditingkatkan secara berterusan.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa tahap latihan formal berkaitan pelancongan masih berada pada tahap sederhana, apabila hanya 54.3% responden menyatakan pernah menerima latihan berkaitan pelancongan, manakala 45.7% lagi tidak pernah menerima sebarang latihan. Situasi ini menunjukkan wujud jurang antara kesedaran dan minat komuniti dengan penyediaan latihan dan pembangunan kapasiti yang sewajarnya.

Berdasarkan dapatan kajian berkaitan penglibatan secara langsung, majoriti responden iaitu 60.4% menyatakan bahawa mereka terlibat secara langsung dalam aktiviti ekopelancongan, manakala 39.6% responden pula menyatakan tidak terlibat. Dapatan ini menunjukkan bahawa penglibatan komuniti dalam aktiviti ekopelancongan di kawasan kajian berada pada tahap yang memberangsangkan, namun masih mempunyai ruang untuk diperluaskan.

Dari segi bentuk penglibatan, responden paling ramai terlibat sebagai peniaga makanan dan kraf iaitu seramai 44 orang (36.7%), diikuti oleh pemilik homestay seramai 24 orang (20%) dan pemandu pelancong seramai 19 orang (15.8%). Selain itu, terdapat juga responden yang terlibat dalam perkhidmatan pengangkutan seramai 12 orang (10%). Selebihnya terdiri daripada penglibatan dalam sektor perhotelan, promosi, peruncitan, kesihatan serta peranan sokongan lain dalam skala yang lebih kecil.

Secara keseluruhannya, dapatan ini membuktikan bahawa komuniti setempat bukan sahaja mempunyai tahap kesedaran dan minat yang tinggi terhadap ekopelancongan, malah turut memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan sektor ini melalui pelbagai bentuk penglibatan ekonomi dan perkhidmatan. Namun begitu, kekurangan pendedahan kepada latihan formal menunjukkan keperluan untuk memperkukuh program latihan dan pembangunan kapasiti komuniti bagi memastikan kelestarian ekopelancongan di Arahau dapat diteruskan secara lebih mampan dan berstruktur.

Jawapan	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Ya	135	97.8
Tidak	3	2.2
Jumlah	138	100.0

Jadual 15 : Tahap Kefahaman Responden terhadap Kepentingan

Pemeliharaan Alam Sekitar melalui Aktiviti Pelancongan

Jadual ini menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden memahami kepentingan pemeliharaan alam sekitar melalui aktiviti pelancongan, dengan majoriti 97.8% memilih jawapan *Ya*. Dapatan ini mencerminkan tahap kesedaran alam sekitar yang sangat tinggi dalam kalangan komuniti setempat.

Jawapan	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Ya	121	87.1
Tidak	19	13.7
Jumlah	139	100.0

Jadual 16 : Tahap Minat Responden untuk Menyertai Lebih Banyak Program Ekopelancongan

Berdasarkan jadual ini, majoriti responden iaitu 87.1% menunjukkan minat untuk menyertai lebih banyak program ekopelancongan. Peratusan yang tinggi ini menunjukkan kesediaan komuniti untuk terus terlibat secara aktif dalam pembangunan ekopelancongan sekiranya peluang dan sokongan disediakan.

UNIVERSITI

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

MALAYSIA

5.0 Pengenalan

Bab ini merumuskan keseluruhan dapatan dan perbincangan yang telah dibentangkan dalam Bab 1 hingga Bab 4. Setiap bab dalam kajian ini saling melengkapi dalam memberikan gambaran menyeluruh tentang realiti ekopelancongan di Taman Negara Jerantut, Pahang serta implikasinya terhadap komuniti setempat. Bab 1 telah mengenal pasti latar belakang isu, permasalahan dan objektif kajian. Bab 2 memperkukuh pemahaman melalui sorotan literatur berkaitan kesan ekopelancongan, penglibatan komuniti dan cabaran pengurusan destinasi. Bab 3 menerangkan pendekatan kualitatif, reka bentuk kajian kes, kaedah pengumpulan data dan

prosedur etika yang diguna pakai. Seterusnya, Bab 4 mengemukakan dapatan lapangan yang merangkumi aspek ekonomi, sosial, alam sekitar dan tahap penyertaan masyarakat dalam industri pelancongan. Bab 5 pula bertujuan membina satu kesimpulan menyeluruh dan menjelaskan bagaimana setiap komponen kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai pembangunan ekopelancongan di kawasan kajian.

5.1 Rumusan Berdasarkan Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi meneliti kesan ekopelancongan terhadap komuniti tempatan, mengenal pasti tahap penglibatan penduduk dalam aktiviti pelancongan, serta menganalisis langkah-langkah yang diambil oleh komuniti dan pihak berkuasa bagi meminimumkan kesan negatif daripada pembangunan industri ini. Berdasarkan keseluruhan dapatan, ekopelancongan didapati memainkan peranan penting dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat Kuala Tahan, namun manfaat tersebut turut hadir bersama cabaran yang perlu ditangani secara berterusan.

Dari aspek pertama, iaitu kesan ekopelancongan terhadap komuniti, dapatan menunjukkan wujudnya peningkatan ekonomi yang ketara melalui perniagaan makanan, penginapan, perkhidmatan bot, pekerjaan di resort dan aktiviti rekreasi. Informan seperti Ummi, Mak Njang Yah dan Mak Teh Chica menegaskan bahawa pelancongan membantu mereka memperoleh pendapatan yang stabil, terutamanya ketika musim cuti sekolah. Namun, sebahagian informan turut menyatakan kebimbangan terhadap perubahan gaya hidup dan kesan terhadap nilai tradisi, selaras dengan isu yang dibangkitkan iaitu risiko penghakisan budaya. Dari segi alam sekitar, dapatan menunjukkan bahawa walaupun terdapat gangguan kecil air keruh akibat pergerakan bot, keadaan keseluruhan masih terkawal dengan adanya pemantauan pihak bertanggungjawab seperti PERHILITAN.

Bagi objektif kedua iaitu tahap penglibatan komuniti dalam industri pelancongan, kajian mendapati bahawa penyertaan penduduk adalah tinggi dan merentas pelbagai sektor. Hampir setiap keluarga mempunyai seorang ahli yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti pelancongan. Latihan kemahiran yang diberikan oleh PERHILITAN dan *resort* membantu meningkatkan profesionalisme dan kebolehan komuniti menguruskan perkhidmatan pelancongan. Hal ini membuktikan bahawa konsep *community-based* ecotourism dapat dilaksanakan secara berkesan apabila komuniti diberi ruang dan sokongan sewajarnya.

Bagi objektif ketiga iaitu langkah meminimumkan kesan negatif ekopelancongan, dapatan menunjukkan bahawa penduduk, pihak pengurusan taman dan agensi kerajaan memainkan peranan bersama dalam memastikan kelestarian kawasan. Informan mencadangkan agar penguatkuasaan undang-undang diperketat, bilangan pelancong dihadkan di kawasan sensitif, dan pendidikan alam sekitar diperluaskan. Pendekatan ini selari dengan prinsip

pengurusan lestari yang digariskan dalam sorotan literatur seperti keperluan pemantauan kapasiti tampungan (carrying capacity) dan pendidikan pelancongan.

5.2 Perbincangan Menyeluruh

Apabila keseluruhan bab digabungkan, jelas bahawa pembangunan ekopelancongan di Taman Negara Jerantut berada dalam kedudukan yang memerlukan keseimbangan antara manfaat ekonomi dan pemeliharaan sumber alam serta budaya. Bab 1 menekankan jurang agihan manfaat, Bab 2 menggariskan cabaran struktur yang dihadapi komuniti, Bab 3 menegaskan kepentingan metodologi dalam memahami realiti lapangan, manakala Bab 4 menunjukkan bagaimana isu-isu ini benar-benar dialami oleh penduduk melalui pengalaman harian mereka. Dapatan juga menunjukkan bahawa keberkesanan ekopelancongan bergantung kepada penyertaan komuniti secara bermakna, bukan sekadar sebagai tenaga kerja, tetapi sebagai pemilik, pengurus dan penyumbang utama kepada pembangunan destinasi.

Kajian ini memperlihatkan bahawa walaupun masyarakat setempat menunjukkan kesedaran tinggi terhadap kelestarian, sokongan berterusan daripada agensi berkaitan masih diperlukan. Interaksi antara pelancong dan komuniti mempengaruhi identiti budaya, namun komuniti masih mengekalkan nilai kekitaan dan hubungan sosial yang kuat. Ekopelancongan di Kuala

Tahan berpotensi menjadi model pelancongan lestari yang berjaya, namun kejayaan tersebut bergantung kepada keberkesanan kerjasama antara komuniti, kerajaan dan industri pelancongan.

5.3 Implikasi Kajian

Kajian ini membawa beberapa implikasi penting. Pertama, dari aspek pembangunan komuniti, dapatan mengesahkan bahawa ekopelancongan mampu memperkukuh ekonomi luar bandar sekiranya penduduk diberikan ruang dan sokongan untuk terlibat secara aktif. Kedua, dari sudut pengurusan destinasi, kajian memperlihatkan keperluan sistem pemantauan alam sekitar yang lebih konsisten agar tekanan terhadap sungai dan hutan dapat dikawal. Ketiga, dari aspek polisi pelancongan, dapatan menyokong keperluan dasar yang lebih inklusif bagi memastikan

manfaat ekonomi diagihkan secara adil serta mengelakkan komuniti marginal seperti Orang Asli daripada terus tersisih.

5.3.1 Implikasi Terhadap Komuniti Tempatan

Kajian ini memperlihatkan bahawa komuniti Kuala Tahan memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan pembangunan ekopelancongan di Taman Negara. Dapatan daripada temu bual menunjukkan bahawa majoriti penduduk bergantung secara langsung atau tidak langsung kepada pelancongan sebagai sumber pendapatan. Hal ini membawa implikasi bahawa komuniti memerlukan akses kepada latihan kemahiran yang lebih meluas agar mereka dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan, mengembangkan perniagaan mikro dan bersedia menghadapi perubahan dalam sektor pelancongan.

Selain itu, implikasi sosial turut dapat dikenal pasti melalui perubahan pola interaksi masyarakat. Pelancongan telah membuka ruang kepada penduduk untuk berinteraksi dengan pelancong antarabangsa, seterusnya memperluas perspektif mereka terhadap budaya luar. Walau bagaimanapun, dapatan juga menunjukkan kebimbangan terhadap kemungkinan penghakisan nilai tradisi, terutamanya bagi masyarakat Orang Asli Batek. Implikasi ini menuntut komuniti untuk memperkukuh identiti budaya sambil memanfaatkan pelancongan sebagai platform pemeliharaan warisan.

Implikasi terakhir berkaitan penglibatan komuniti dalam pengurusan destinasi. Dapatan menunjukkan bahawa walaupun penyertaan penduduk adalah tinggi dalam sektor ekonomi, penglibatan mereka dalam proses perancangan masih bersifat pinggiran. Ini memberi implikasi bahawa pendekatan *community-based* ecotourism perlu diperkukuh melalui mekanisme penyertaan yang lebih formal, seperti jawatankuasa bersama komuniti– agensi, latihan kepimpinan tempatan dan pembentukan koperasi pelancongan.

5.3.2 Implikasi Terhadap Agensi dan Pengurusan Destinasi

Kajian ini turut memberikan implikasi penting kepada agensi kerajaan dan pihak pengurusan Taman Negara seperti PERHILITAN, pihak resort dan pengusaha bot. Dapatan menunjukkan bahawa kerjasama antara agensi dan komuniti berada pada tahap yang baik, namun masih terdapat ruang penambahbaikan terutama dalam aspek penyelarasan dan penguatkuasaan dasar.

Implikasi pertama berkait dengan keperluan memperkukuh sistem pemantauan alam sekitar. Aktiviti bot yang menyebabkan air sungai keruh kesan pelancongan terhadap denai hutan serta gangguan terhadap habitat hidupan liar memerlukan pengurusan berdasarkan data dan pemantauan berkala. Ini bermakna agensi perlu melabur dalam teknologi pemantauan, menetapkan zon sensitif, dan mewujudkan garis panduan yang lebih ketat bagi memastikan kelestarian ekosistem Taman negara.

Implikasi kedua ialah keperluan penyelarasan latihan antara agensi. Dapatan menunjukkan bahawa latihan sudah diberikan kepada komuniti, namun ia masih tidak berstruktur dan bergantung kepada permintaan. Agensi perlu menyusun modul latihan tahunan berkaitan keselamatan pelancong, hospitaliti, pemasaran digital, pengurusan sisa dan pemanduan alam sekitar agar kompetensi komuniti terus meningkat.

Implikasi ketiga berkaitan pengurusan aliran pelancong atau *carrying capacity*. Dengan pertambahan jumlah pelawat, pengurusan destinasi perlu mempertimbangkan sistem had pelawat, tempahan awal, laluan khas pelancong dan aktiviti berimpak rendah. Implikasi ini penting untuk memastikan Taman Negara tidak mengalami tekanan berlebihan yang boleh mengancam kelestarian kawasan dalam jangka panjang.

5.3.3 Implikasi Terhadap Pembangunan Ekopelancongan

Kajian ini memberikan implikasi yang signifikan terhadap masa depan pembangunan ekopelancongan di Taman Negara Jerantut dan destinasi lain di Malaysia. Dapatan menunjukkan bahawa model pembangunan pelancongan yang berasaskan komuniti bukan sahaja meningkatkan pendapatan penduduk, tetapi turut menjadi strategi pemuliharaan alam sekitar yang berkesan apabila komuniti diberikan kuasa untuk mengurus sumber mereka sendiri.

Implikasi pertama ialah bahawa ekopelancongan perlu terus dilaksanakan berasaskan prinsip kelestarian. Ini termasuk pendekatan yang mengutamakan keseimbangan antara ekonomi, sosial dan alam sekitar yang mana keuntungan tidak mengatasi keperluan pemeliharaan ekosistem taman negara. Kejayaan ekopelancongan bergantung kepada keupayaan semua pihak memahami bahawa alam semula jadi adalah aset utama yang perlu dilindungi.

Implikasi kedua ialah potensi pengembangan produk ekopelancongan berasaskan budaya. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat permintaan terhadap pengalaman budaya, termasuk interaksi dengan komuniti tempatan, makanan tradisional, pengetahuan hutan Orang Asli, dan aktiviti berasaskan seni. Jika diurus secara beretika,

produk ini berupaya memperkuat identiti masyarakat sambil menawarkan nilai tambah kepada pelancong.

Implikasi ketiga ialah keperluan mewujudkan dasar pelancongan yang lebih inklusif dan responsif terhadap keperluan komuniti marginal. Kajian membuktikan bahawa masyarakat Orang Asli Batek masih berada dalam kedudukan yang rapuh dalam industri pelancongan. Oleh itu, dasar pembangunan perlu menyediakan perlindungan sosial, peluang ekonomi serta penyertaan bermakna dalam pembuatan keputusan agar jurang ketidaksamarataan dapat dikurangkan.

Secara keseluruhannya, implikasi dalam sub topik ini menegaskan bahawa pembangunan ekopelancongan yang mampan bukan hanya bergantung kepada sumber alam semula jadi, tetapi juga bergantung kepada keupayaan pengurusan, dasar pelancongan dan penglibatan komuniti dalam membentuk masa depan destinasi secara kolektif.

5.4 Cadangan Kajian

Berdasarkan dapatan, beberapa cadangan boleh diberikan. Antaranya ialah peningkatan program latihan kemahiran bagi golongan muda agar mereka lebih bersedia mengurus produk pelancongan sendiri. Sistem pemantauan alam sekitar berasaskan teknologi juga perlu diperluas untuk mengesan tekanan ekologi secara nyata. Selain itu, penubuhan koperasi pelancongan yang dipimpin komuniti disarankan untuk memberi peluang pemilikan ekonomi yang lebih adil kepada penduduk.

Selain cadangan yang telah dikemukakan, pengukuhan peranan institusi tempatan seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) wajar diberi perhatian dengan melibatkan mereka secara langsung dalam proses perancangan, pelaksanaan dan penilaian aktiviti ekopelancongan. Penglibatan secara *formal* ini dapat memastikan pandangan komuniti setempat benar-benar diambil kira serta mengelakkan pendekatan *top-down* yang berpotensi menjejaskan kepercayaan dan komitmen penduduk terhadap pembangunan ekopelancongan.

Seterusnya, pembangunan garis panduan had tampungan pelancong atau *carrying capacity* dicadangkan bagi mengawal jumlah pelawat ke kawasan yang sensitif dari segi alam sekitar. Langkah ini penting untuk mengelakkan tekanan ekologi berlebihan seperti degradasi laluan hutan, pencemaran sungai dan gangguan terhadap habitat hidupan liar, di samping mengekalkan kualiti pengalaman pelancongan yang lestari dalam jangka panjang.

Di samping itu, usaha mempelbagaikan produk ekopelancongan berasaskan budaya tempatan perlu diperkukuh agar komuniti tidak terlalu bergantung kepada aktiviti pelancongan berasaskan alam semula jadi semata-mata. Pembangunan produk seperti demonstrasi kraftangan tradisional, penceritaan warisan setempat dan pengalaman kehidupan komuniti boleh meningkatkan nilai ekonomi tempatan tanpa memberi tekanan yang berlebihan terhadap sumber alam.

Cadangan lain yang signifikan ialah peningkatan kerjasama strategik antara komuniti setempat, agensi kerajaan dan sektor swasta melalui model *smart partnership*. Kerjasama ini berpotensi membantu komuniti dari segi akses kepada pembiayaan, pembangunan *digital marketing* serta pemindahan teknologi, sekali gus mengurangkan jurang keupayaan pengurusan dan kebergantungan kepada pihak luar.

Akhir sekali, pelaksanaan program pendidikan alam sekitar secara berterusan bukan sahaja kepada komuniti tempatan tetapi juga kepada pelancong perlu diperkasakan. Program ini dapat meningkatkan tahap kesedaran terhadap etika pelancongan lestari atau *sustainable tourism ethics*, sekali gus mengurangkan tingkah laku pelawat yang boleh memberi kesan negatif terhadap alam sekitar dan budaya setempat.


5.5 Penutup

Secara keseluruhan, kajian ini memperlihatkan bahawa ekopelancongan di Taman Negara Jerantut bukan sekadar berfungsi sebagai aktiviti rekreasi, malah merupakan satu sistem pembangunan yang kompleks dan saling berkait antara aspek ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penglibatan aktif komuniti tempatan memainkan peranan penting dalam menyokong kelangsungan aktiviti ekopelancongan, khususnya melalui penyediaan perkhidmatan, keusahawanan serta sokongan kepada pengalaman pelawat. Keadaan ini membuktikan bahawa ekopelancongan berupaya menjadi pemangkin pembangunan setempat sekiranya diuruskan secara terancang dan inklusif.

Selain itu, sokongan daripada agensi berkaitan serta pelaksanaan pengurusan berasaskan kelestarian dikenal pasti sebagai faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan pengurusan Taman Negara Jerantut. Amalan pemuliharaan alam sekitar, kawalan aktiviti pelancongan dan usaha mendidik pelawat tentang kepentingan penjagaan alam semula jadi membantu memastikan keseimbangan antara pembangunan pelancongan dan pemeliharaan ekosistem. Pendekatan ini bukan sahaja melindungi sumber semula jadi yang menjadi tarikan utama pelancongan, malah

turut memperkuat imej Taman Negara Jerantut sebagai destinasi ekopelancongan yang bertanggungjawab.

Di samping itu, kajian ini turut menekankan keperluan untuk memperkuat pembangunan kapasiti komuniti tempatan melalui latihan, pemindahan pengetahuan dan peluang ekonomi yang lebih menyeluruh. Kerjasama berterusan antara komuniti, pihak pengurusan taman, agensi kerajaan serta pihak berkepentingan lain adalah amat penting bagi memastikan kelestarian ekopelancongan dapat dikekalkan dalam jangka panjang. Dengan perancangan strategik dan pengurusan yang berkesan, Taman Negara Jerantut berpotensi besar untuk menjadi model pembangunan ekopelancongan paling lestari di Malaysia, di mana manfaat ekonomi, pemeliharaan alam sekitar dan kesejahteraan komuniti dapat berkembang secara seimbang tanpa menjejaskan mana-mana pihak.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Rujukan

- Abdullah, A. (2019). *Pelancongan dan perubahan budaya masyarakat Orang Asli di Malaysia*. *Jurnal Pengajian Sosial*, 12(2), 45–60.
- Ahmad, R., & Rahman, N. A. (2020). Community participation in ecotourism planning in Malaysia. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment*, 15(1), 23–38.
- Aini Mat Daud, & Faridah Azman. (2016). Economic inequality in community tourism development. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 50(2), 89–104.
- Azhar, M. A., & Hassan, R. (2017). Tourism pressure on protected natural resources. *Journal of Environmental Management*, 45(3), 201–215.
- Azmi, N., & Ghazali, S. (2020). Economic leakage in rural tourism. *Asian Journal of Tourism Research*, 5(1), 33–49.
- Buckley, R. (2009). *Ecotourism principles and practices*. CABI Publishing.
- Butler, R. (1980). The concept of a tourism area life cycle. *Canadian Geographer*, 24(1), 5–12. <https://doi.org/10.1111/j.1541-0064.1980.tb00970.x>
- Cater, E. (1993). Ecotourism in the Third World. *Tourism Management*, 14(2), 85–90.
- Charnley, S. (2005). Community forestry and indigenous livelihoods. *World Development*, 33(8), 1353–1368.
- Cole, S. (2006). Cultural tourism and local communities. *Tourism Geographies*, 8(4), 355–372.
- David, L., & Thompson, R. (2021). Tourism-led rural development. *Journal of Sustainable Tourism*, 29(4), 612–630.
- Doxey, G. (1975). A causation theory of visitor-resident irritants. *Travel Research Association Proceedings*, 195–198.
- Epler Wood, M. (2016). *Sustainable tourism on a finite planet*. Island Press.
- Faulkner, B. (2001). Towards a framework for tourism disaster management. *Tourism Management*, 22(2), 135–147.
- Goodwin, H. (2011). *Taking responsibility for tourism*. Goodfellow Publishers.

- Hall, C. M. (2011). Policy learning and tourism policy. *Journal of Sustainable Tourism*, 19(4–5), 649–671.
- Hassan, R. (2013). Pembangunan dan pengurusan ekopelancongan di Kuala Tahan. *Jurnal Geografi Malaysia*, 9(1), 15–28.
- Hassan, N., & Abdul Rahman, M. (2021). Factors influencing community participation. *Tourism Planning & Development*, 18(3), 275–292.
- Hasrul Yushairi, Khairuman Md. Hasim, Ahmad Nazari, Darson, & Adanan. (2022). Orang Asli and tourism development. *Journal of Heritage Studies*, 6(2), 55–72.
- Honey, M. (2008). *Ecotourism and sustainable development*. Island Press.
- Ibrahim, Y., & Aziz, A. (2018). Tourism and cultural transformation. *Jurnal Warisan Budaya*, 7(2), 55–70.
- Ismail, H., Zainuddin, N., & Harun, M. (2018). Socioeconomic impacts of ecotourism. *Malaysian Journal of Society and Space*, 14(4), 101–114.
- Jamal, T., & Getz, D. (1995). Collaboration theory in tourism planning. *Annals of Tourism Research*, 22(1), 186–204.
- Jamaluddin Mohamad Jahi, & Rahim Md Noor. (2013). Land use change due to tourism. *Journal of Tropical Geography*, 37(2), 87–102.
- Jamil, M., Ahmad, S., & Yusof, N. (2022). COVID-19 impacts on ecotourism communities. *Journal of Sustainable Tourism and Economy*, 12(3), 245–262.
- Jones, S. (2016). Community-based conservation in Belize. *Conservation and Society*, 14(2), 154–166.
- Khalid, K., Bakar, A., & Abdullah, R. (2014). Stakeholders in sustainable tourism. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 6(1), 33–47.
- Lane, B. (1994). What is rural tourism? *Journal of Sustainable Tourism*, 2(1–2), 7–21.
- Lee, C. L., et al. (2022). Tourist satisfaction in ecotourism. *Asia Pacific Journal of Tourism Research*, 27(5), 482–498.
- Lim, S. (2021). Institutional support in ecotourism. *Tourism Management Perspectives*, 38, 100819.

- Liu, Z. (2003). Sustainable tourism development. *Journal of Sustainable Tourism*, 11(6), 459–475.
- Mahmud, M., & Wahab, R. (2013). Carrying capacity in national parks. *Journal of Environmental Planning*, 11(2), 65–79.
- Mbaiwa, J. (2005). Ecotourism development in Africa. *Journal of Sustainable Tourism*, 13(3), 203–227.
- Mohd Azmi Mat Yasin, & Siti Hasmah Abdullah. (2020). Community entrepreneurship in tourism. *Jurnal Pembangunan Wilayah*, 8(1), 41–58.
- Moscardo, G. (2008). *Building community capacity for tourism development*. CABI.
- Mwangi, E. (2020). Community-based conservation in Kenya. *World Development*, 128, 104848.
- Nomura, K., Salleh, H., & Omar, R. (2020). Indigenous knowledge and conservation. *Sustainability*, 12(7), 2853.
- Nor Hashimah Hashim, & Mohd Ismail Mustari. (2018). Orang Asli cultural values. *Jurnal Antropologi Malaysia*, 4(1), 1–18.
- Okazaki, E. (2008). Community-based tourism models. *Tourism Management*, 29(3), 511–529.
- Richards, G. (2011). Cultural tourism trends. *Tourism Management*, 32(5), 1220–1227.
- Russell, D., & Barrett, C. (2022). Empowerment through tourism. *Journal of Rural Studies*, 92, 245–256.
- Samdin, Z., Abdul Aziz, Y., Radam, A., & Yacob, M. R. (2013). Ecotourism resources assessment. *Tourism Management*, 36, 65–73.
- Scheyvens, R. (1999). Ecotourism and empowerment. *Tourism Management*, 20(2), 245–249.
- Sharpley, R. (2009). *Tourism development and the environment*. Earthscan.
- Shrestha, P. (2015). Community ecotourism in Nepal. *Tourism Planning & Development*, 12(3), 321–338.

- Snyman, S. (2012). Ecotourism and livelihoods. *Journal of Sustainable Tourism*, 20(3), 395–415.
- Stronza, A. (2007). The economic promise of ecotourism. *Journal of Ecotourism*, 6(3), 210–230.
- Tan, S. (2020). Social impacts of ecotourism. *Asian Social Science*, 16(4), 55–66.
- Tosun, C. (2000). Limits to community participation. *Tourism Management*, 21(6), 613–633.
- Tourism Malaysia. (2022). *Ecotourism development in Malaysia*.
<https://www.tourism.gov.my>
- UNEP. (2011). *Tourism and biodiversity*. United Nations Environment Programme.
- UNWTO. (2018). *Tourism and sustainable development goals*. World Tourism Organization.
- Weaver, D. (2001). *The encyclopedia of ecotourism*. CABI.
- Weaver, D. (2006). Sustainable tourism theory. *Journal of Sustainable Tourism*, 14(1), 1–9.
- WWF Malaysia. (2021). *Impacts of tourism on protected areas*. <https://www.wwf.org.my>
- Yusof, A., & Tan, S. (2021). GIS monitoring in ecotourism. *Environmental Monitoring and Assessment*, 193(4), 221.
- Zakaria, R., Omar, D., & Abdullah, N. (2019). Environmental degradation and tourism. *Journal of Environmental Science and Management*, 22(1), 14–26.